

BAB 4

ANALISIS PERBEZAAN TULISAN DAN MAKNA SERTA PEMBENTUKAN PERISTILAHAN PINJAMAN BAHASA ARAB DALAM MAJALAH AHKAM JOHOR 1913

4.0 PENDAHULUAN

Unsur utama dalam kajian ini ialah peristilahan pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu yang terdapat dalam Majalah Ahkam Johor. Di dalam kajian ini beberapa penemuan telah ditemui berdasarkan kepada kajian penulis sendiri di samping sedikit ilmu yang dimiliki berdasarkan kepada kitab-kitab bahasa Arab dan beberapa buah kamus sebagai rujukan. Penulis telah membahagikan kajiannya kepada beberapa tajuk kecil untuk diamati, iaitu :

- i. perbezaan bentuk tulisan pada istilah antara kedua bahasa
- ii. pembentukan peristilahan bahasa Arab dalam Majalah Ahkam Johor
- iii. persamaan dan perbezaan makna antara kedua bahasa.

Pembahagian tajuk ini berdasarkan kepada 233 entri yang dijumpai dalam Majalah Ahkām Johor yang melibatkan peristilahan pinjaman daripada bahasa Arab. Penulis mengambil kira kesemua jumlah ini untuk melihat bentuk-bentuk perbezaan yang terdapat dengan bahasa sumbernya dan meletakkan kesemuanya dalam

golongan istilah walaupun ada di antaranya sudah sebat dalam perbualan sehari dan diterima dalam bahasa Melayu.

4.1 PERBEZAAN BENTUK TULISAN PADA ISTILAH ANTARA KEDUA BAHASA

Majalah *Ahkām Johor* ialah sebuah kitab tua yang dicetak pada tahun 1913 Masihi. Perkembangan tulisan pada masa itu berasaskan kepada kemahiran seseorang penulis dan ketinggian ilmunya dalam bidang yang diceburinya itu. Seperti yang telah disebutkan, kitab ini sebenarnya terjemahan dari bahasa Arab maka tidak hairanlah kita menjumpai istilah yang tidak dapat diterjemahkan dalam bahasa Melayu secara keseluruhannya. Apa yang menarik perhatian penulis untuk mengkaji kitab ini ialah dari segi perbezaan ejaan yang digunakan dan hubungan langsungnya dengan tulisan Jawi yang menggunakan huruf-huruf Arab itu.

Dalam tajuk ini, penulis akan mengenangkan empat bahagian penemuan kajiannya, iaitu :

- i. pengguguran *hamzah qat'i* di awal istilah pinjaman:
- ii. penambahan huruf vokal (ا، و، ي) di antara huruf dalam istilah pinjaman untuk penyesuaian sebutan bahasa Melayu:
- iii. permasalahan *ta'marbūtah* (ة):
- iv. penggunaan *alif maqṣūrah* dan *alif mād* yang tidak tetap di akhir istilah pinjaman.
- v. penukaran huruf fa' (ف) kepada huruf Jawi (ڻ) yang meluas

4.1.1 PENGGUGURAN HAMZAH QAT'I DI AWAL ISTILAH PINJAMAN

Di dalam Majalah Ahkam Johor sebanyak 24 entri dijumpai bagi mewakili istilah yang menggunakan huruf alif di awalnya. Di dalam bahasa Arab penulisan hamzah terdapat dua bentuk, iaitu *hamzah qat'i* dan *hamzah wasl*. *Hamzah qat'i* ialah hamzah yang berada di awal kalimah dan disebutkan bunyi hamzahnya samada di awal atau ketika bersambung dengan perkataan sebelumnya. Ia dikenali dengan diletakkan tanda (‘) pada alif berbanding dengan *hamzah wasl* yang hanya dibunyikan ketika berada pada permulaan ayat tetapi tidak berbunyi ketika bersambung dengan perkataan lain. Apabila disambungkan ia diletakkan tanda kepala sad yang kecil (ء) pada alif. (Dr. Imil Badi` Ya'qub, 1983:23-28)

Berbalik kepada Majalah Ahkam Johor, daripada jumlah 24 entri tersebut tidak ada satu perkataan pun yang diletakkan tanda hamzah pada yang sepatutnya. Pengarang telah menggugurkannya dan menyamaratakan setiap istilah seolah-olah tiada perbezaan antara setiap satu sama lain sedangkan penggugurnya adalah bersalahan sama sekali di dalam bahasa asal. Untuk melihat perbezaan dengan lebih jelas istilah-istilah yang dimaksudkan tersebut yang sepatutnya mempunyai hamzah bersama *alif* di awalnya boleh dilihat di dalam jadual berikut :-

Jadual 4.1: Istilah yang menggugurkan *hamzah qat'i*.

Istilah dalam MAJ	Sebutan dalam BM	Asal istilah dalam BA	Sebutan dalam BM
ابراء	<i>Ibra'</i>	ابراء	<i>ibrā'</i>

“Jadual 4.1,sambungan”

ابدان	<i>abdan</i>	أَبْدَانٌ	<i>abdān</i>
ابصاع	<i>ibda`</i>	إِبْصَاعٌ	<i>ibdā`</i>
اجاره	<i>ijarah</i>	إِجَارَةٌ	<i>ijārah</i>
اخير	<i>akhir</i>	أُخْرَىٰ	<i>akhīr</i>
اذن	<i>idhin</i>	إِذْنٌ	<i>idhn</i>
اصل	<i>asal</i>	أَصْلٌ	<i>asl</i>
اصلی	<i>asli</i>	أَصْلَىٰ	<i>aslī</i>
اطلاق	<i>itlaq</i>	إِطْلَاقٌ	<i>itlāq</i>
اعمال	<i>a`mal</i>	أَعْمَالٌ	<i>a`māl</i>
اقرار	<i>ikrar</i>	إِقْرَارٌ	<i>iqrār</i>
اكراه	<i>ikrah</i>	إِكْرَاهٌ	<i>ikrah</i>
امان	<i>aman</i>	أَمْانٌ	<i>amān</i>
امانه	<i>amanah</i>	أَمْانَةٌ	<i>amānah</i>
اموال	<i>amwal</i>	أَمْوَالٌ	<i>amwāl</i>
انکر	<i>i(j)n)kar</i>	إِنْكَارٌ	<i>i(j)n)kār</i>
اہل	<i>ahli</i>	أَهْلٌ	<i>ahl</i>
اوال	<i>awal</i>	أَوْلَىٰ	<i>awwal</i>
ایجاب	<i>ijab</i>	إِيْجَابٌ	<i>ijāb</i>
ایشارت	<i>isyarat</i>	إِشَارَةٌ	<i>isyārat</i>

Hamzah qat'i penting bagi istilah-istilah di atas kerana ia menepati tempat-tempat yang wajib diletakkan padanya. Dr. Imil Badi' Ya'qub (1983:23) telah menggariskan kedudukan *hamzah qat'i* pada tempat-tempat berikut :

- i. *fi'l mādi*, *amr* dan *masdār* bagi *fi'l rubā'i* (yang berasaskan empat huruf). Seperti أَكْرَمٌ - إِكْرَامٌ dan sebagainya.
- ii. semua *fi'l mudāri* bagi ganti nama diri pertama seperti أَقْرَأَ و أَكْتَبَ dan sebagainya.
- iii. pada huruf yang *bermula dengan hamzah* seperti إِلَّا, إِنْ و إِلَّا و sebagainya.
- iv. semua kata nama yang bermula dengan alif kecuali pada *masdār* bagi *fi'l khumāsi* (lima huruf) dan *sudāsi* (enam huruf). Contohnya seperti أَمَانَةٌ, أَعْمَالٌ, إِشَارَةٌ, أَعْمَالٌ , أَوْلَى و lain-lain lagi .

Hanya lima istilah sahaja yang menepati sumber pinjaman dalam konteks tidak menggunakan *hamzah qat'i* iaitu اِصْطِلاحٌ, اِنْفَاقٌ, اِحْتِيَاجٌ, اِعْتِيَارٌ, اِخْتَارٌ dan اِنْتَهَادٌ.

4.1.2 PENAMBAHAN HURUF VOKAL (ا، و، ي) DI ANTARA HURUF DALAM ISTILAH PINJAMAN UNTUK PENYESUAIAN DENGAN SEBUTAN BAHASA MELAYU

Perbendaharaan kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu sebenarnya cukup banyak dan mendapat perhatian pengkaji-pengkaji bahasa sejak beberapa dekad yang lama. Kebanyakan perkataan-perkataan tersebut sudah sebatik dalam bahasa kita. Cuma yang menjadi perbezaannya ialah dari segi sebutan yang keMelayuan dengan penambahan vokal-vokal tertentu padanya. Contohnya bagi perkataan-perkataan

seperti مَلْك yang disebut *milik*, فَكْر disebut *fikir*, علم disebut *'ilmu*, حِكْمَة disebut *hukum* dan banyak lagi . Maka untuk membunyikan sebutan tadi kalau tulisan ruminya ditulis sebagai *milik*, *fikir*, *'ilmu*, dan *hukum* begitulah halnya dengan tulisan jawi yang ditulis sebagai حِكْمَة , علم , فَكِير , مَلِيك .

Menurut Pendeta Za'ba (1949:35) perkataan yang dipinjam dari bahasa Arab hendaklah dikekalkan mengikut ejaan asalnya. Walau bagaimanapun dia telah mengecualikannya pada tiga tempat, iaitu

1. apabila telah biasa dieja orang menyalahi kaedah asalnya
2. apabila bunyi telah terpaling
3. apabila masuk penambahan atau imbuhan Melayu.

Daripada pernyataannya ini kita dapat i istilah-istilah pinjaman bahasa Arab telah menjadi sebutan kebiasaan sehingga keserasiannya dalam tulisan turut mendapat tempat dan tulisan asalnya hampir dilupakan. Ini turut berlaku dalam Majalah Ahkam Johor di mana daripada 233 entri yang ditemui ada di antaranya mempunyai penambahan huruf vokal (ي ، و ، ا) dan sebahagiannya pula didapati tidak tetap tulisannya.

Terdapat tiga jenis penambahan yang berlaku, iaitu samada dengan huruf *alif* (ا) atau huruf *wau* (و) atau huruf *ya'* (ي). Ia berlaku samada pada suku kata pertama atau kedua atau kedua-duanya sekali. Huruf-huruf vokal ini di dalam bahasa Arab sebenarnya digunakan untuk tujuan memanjangkan bunyi. Bagi bunyi yang pendek tidak memerlukan huruf-huruf ini kerana ia sudah cukup dengan tanda

harakah (baris atas, bawah atau hadapan). Ini berbeza dengan bahasa Melayu di mana setiap suku kata dibentuk oleh salah satu daripada vokal fonem /a/, /i/, /e/, /o/ atau /u/ (Tatabahasa Dewan, 1994:49).

Apa yang berlaku dalam Majalah Ahkām Johor ialah penambahan untuk penyesuaian bunyi dengan sebutan bahasa Melayu dan ia dipengaruhi oleh ejaan pengaruh Melayu di kedua-dua tahap. Berikut ialah perbezaan antara istilah pinjaman dalam Majalah Ahkam Johor dengan istilah dalam bahasa sumber yang melibatkan penambahan huruf vokal:

Jadual 4.2 : Istilah yang diberi penambahan huruf vokal.

Istilah dalam MAJ	Sebutan dalam BM	Asal Istilah dalam BA	Sebutan dalam BM
اول	<i>awal</i>	أُوْلَى	<i>awwal</i>
ایشارت	<i>isyarat</i>	إِشَارَةٌ	<i>isyārat</i>
باقي	<i>baki</i>	بَاقٍ	<i>bāqi</i>
جنس	<i>jenis</i>	جِنْسٌ	<i>jins</i>
حاصل	<i>hasil</i>	حَاصِلٌ	<i>hasil</i>
روکن	<i>rukun</i>	رُكْنٌ	<i>rukun</i>
ریضا	<i>reda</i>	رِضَا	<i>reda</i>
صیحة	<i>sihat</i>	صَحَّةٌ	<i>siḥḥat</i>

"Jadual 4.2, sambungan:"

صيغة / صيغت	<i>sifat</i>	صيغة	<i>sifat</i>
ظاهير	<i>zahir</i>	ظاهر	<i>zāhir</i>
عاديل	<i>'adil</i>	عادل	<i>'adil</i>
عذور	<i>uzur</i>	عذر	<i>'uzur</i>
عروف	<i>'urf</i>	عرف	<i>'urf</i>
علمو	<i>ilmu</i>	علم	<i>'ilm</i>
غائب	<i>ghaib</i>	غائب	<i>ghā'ib</i>
فائده	<i>faedah</i>	فائدة	<i>faidat</i>
فيكير	<i>fikir</i>	فکر	<i>fikr</i>
قاعدده	<i>kaedah</i>	قاعدة	<i>qā'idat</i>
قواة	<i>kuat</i>	قوة	<i>quwwat</i>
ماتي	<i>mati</i>	مات	<i>mati</i>
ماهير	<i>mahir</i>	ماهر	<i>Māhir</i>
مایت	<i>Mayat</i>	میت	<i>maiyyit</i>
معاملة	<i>muamalat</i>	معاملة	<i>muāmalat</i>
مفليس	<i>musflis</i>	مفليس	<i>musflis</i>
میلیك	<i>milik</i>	ملک	<i>milk</i>
نافي	<i>nafi</i>	نفی	<i>nafy</i>
واريث	<i>waris</i>	وارث	<i>warith</i>

“Jadual 4.2, sambungan”

واسطه	<i>wasitah</i>	وَسِيْطَةٌ	<i>wasīṭat</i>
واصي	<i>wasi</i>	وَصِيٌّ	<i>wāsi</i>
واكيل	<i>wakil</i>	وَكِيلٌ	<i>wakīl</i>
والى	<i>wali</i>	وَلِيٌّ	<i>walī</i>
ياتيم	<i>yatim</i>	يَتِيمٌ	<i>yatīm</i>
يافقين	<i>yakin</i>	يَقِينٌ	<i>Yaqīn</i>

Di samping itu, terdapat juga beberapa istilah yang berubah–ubah ejaannya di mana pada setengah tempat yang lain ia ditulis dengan kata asal tanpa sebarang penambahan. Di sini terjadi pertembungan dalam masalah meletakkan huruf vokal kesan daripada pengaruh ejaan Melayu tahap pertama dan kedua. Sebagaimana yang kita sedia maklum pengaruh tahap pertama ialah meletakkan huruf vokal pada satu suku kata pertama berbanding dengan tahap kedua yang meletakkan suku kata pada kedua-dua suku kata. Antara istilah-istilah itu boleh kita lihat dalam jadual berikut :

Jadual 4.3 : Istilah yang tidak tetap penggunaannya dalam penambahan huruf vokal.

Dengan penambahan huruf vokal	Tanpa penambahan huruf vokal
حاصل	حاصل
حاضر	حاضر
ظاهر	ظاهر

“Jadual 4.3, sambungan “

عذور	عذر
عروف	عرف
واريث	وارث
واكيل	وكيل

Istilah-istilah ini memang pada asalnya mempunyai huruf vokal pada salah satu suku katanya dan pengarang melengkapannya lagi menjadikannya ejaan Melayu. Soalnya beliau menggunakan kedua-dua jenis tulisan ini di dalam kitab tersebut. Ketidakseragaman pengarang di sini membuatkan kita tertanya-tanya konsep manakah yang digunakan oleh beliau dan apakah pendirian beliau dalam menjaga penulisan bahasa Arab di dalam kitab ini.

Di samping kita melihat penambahan huruf, terdapat juga istilah yang padanya berlaku pengurangan huruf seperti انکار ditulis انکر sahaja dengan menghilangkan huruf alif (ا) yang ada dalam kata *maṣdar* tersebut. Begitu juga bagi perkataan طبیعة yang hanya ditulis sebagai طبعت sahaja dengan dibuang huruf ya' (ي) padanya dan قرطاس ditulis قرطس sahaja. Jadi di sini penambahan bukanlah satu syarat untuk menentukan tulisan pada zaman itu walaupun ia wujud dalam sebutan istilah tersebut dan dalam istilah-istilah yang lain.

4.1.3 PERMASALAHAN TA' MARBŪTAH (﴿)

Seperkara lagi yang ketara dalam memperlihatkan perubahan bentuk penulisan dalam Majalah Ahkām Johor ialah menggantikan *ta'marbūtah* (﴿) dengan *ta'mabsūtah* (ۚ). Tetapi ia berlaku dalam keadaan yang tidak stabil seolah-olah tiada pendirian yang tetap untuk istilah-istilah itu. Skop kajian bagi bahagian ini ialah bagi istilah pinjaman yang berakhir dengan huruf *ta'* samada dengan *ta'mabsūtah* (ۚ) atau *ta'marbūtah* (﴿).

Bagi membezakan penulisan jenis huruf *ta'* (ۚ) yang manakah yang patut digunakan, Dr Imil Badi`Ya`qub (1983:140-141) ada memberikan panduan mengenai perkara ini. Di dalam bahasa Arab penulisan huruf *ta'* terdapat dua jenis. Pertama yang ditulis memanjang dikenali dengan *ta'mabsūtah* (ۚ) dan kedua yang ditulis sebagai *ta'marbūtah* (﴿). Perkataan yang menggunakan *ta'marbūtah* (﴿) ialah yang apabila diwaqafkan berbunyi sebagai huruf *ha'* (۷) manakala *ta'mabsūtah* (ۚ) kebanyakannya adalah huruf asal bagi perkataan itu.

Untuk tajuk ini penulis membahagikan penemuannya kepada empat bahagian yang berhubung dengan *ta'marbūtah* (﴿) dan masalah yang berkaitan dengannya iaitu :

- i. istilah yang menggantikan *ta'marbūtah* (﴿) kepada *ta'mabsūtah* (ۚ)
- ii. istilah yang menggantikan *ta'mabsūtah* (ۚ) kepada *ta'marbūtah* (﴿)
- iii. istilah yang menggunakan kedua-dua jenis huruf *ta'* (ۚ)
- iv. istilah yang menghilangkan titik *ta'marbūtah* (﴿)

4.1.3.1 ISTILAH YANG MENGGANTIKAN *TA'MARBŪTAH* (ة)

KEPADА *TA'MABSŪTAH* (ت)

- Berhubung dengan masalah di atas, penulis mendapati pengarang telah menukarkan sejumlah istilah yang sepatutnya menggunakan *ta'marbūtah* (ة) kepada *ta'mabsūtah* (ت). Penukaran ini berlaku disebabkan oleh pengaruh sebutan tersebut dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan kerana *ta'marbūtah* (ة) dibunyikan sebagai huruf *ha'* (ه) atau fonem /h/ ketika waqaf berbanding dengan bahasa Melayu yang menjadikan istilah tersebut sebutan mati yang pasti dengan sebutan huruf *ta'* (ت).

Berikut ialah perbezaan dari segi tulisan dan sebutan dengan bahasa sumber yang menggantikan *ta'marbūtah* (ة) kepada *ta'mabsūtah* (ت) di dalam Majalah Ahkam Johor :

Jadual 4.4 : Istilah yang menggantikan *ta'marbutah* (ة) kepada *ta'masutah* (ت)

Istilah dalam MAJ	Sebutan dalam BM	Asal istilah dalam BA	Sebutan dalam BM
اِشارت	<i>isyarat</i>	إِشَارَةٌ	<i>isyārat</i>
جنايت	<i>jenayah</i>	جُنَاحٍ	<i>jināyah</i>
برکات	<i>berkat</i>	بَرَكَةٌ	<i>baraka</i>
بضاعت	<i>bida'ah</i>	بَضَاعَةٌ	<i>bidā'at</i>
حاجت	<i>hajat</i>	حَاجَةٌ	<i>hajat</i>

“Jadual 4.4, sambungan :”

حمرت	<i>hormat</i>	حَمْرَةٌ	<i>hurmat</i>
دهشت	<i>dahsyat</i>	دَهْشَةٌ	<i>dahsyat</i>
ديت	<i>diyat</i>	دِيَةٌ	<i>diyat</i>
سلامت	<i>selamat</i>	سَلَامَةٌ	<i>salāmat</i>
شفعت	<i>syufat</i>	شُفْعَةٌ	<i>syufat</i>
صيفت	<i>sifat</i>	صِفَةٌ	<i>sifat</i>
ضرورات	<i>darurat</i>	ضَرُورَةٌ	<i>darurat</i>
طبعت	<i>tabi`at</i>	طَبِيعَةٌ	<i>tabi`at</i>
عادت	<i>'adat</i>	عَادَةٌ	<i>'adat</i>
عبادت	<i>ibadat</i>	عِبَادَةٌ	<i>'ibādat</i>
عبارت	<i>ibarat</i>	عِبَارَةٌ	<i>'ibārat</i>
قرابت	<i>kerabat</i>	قِرَابَةٌ	<i>qarābat</i>
قوات	<i>kuat</i>	قُوَّةٌ	<i>quwat</i>
كيفيت	<i>kaifiyat</i>	كَيْفِيَةٌ	<i>kaifiyat</i>
مصلحت	<i>maslahat</i>	مَصْلَحَةٌ	<i>maslahat</i>
مضرت	<i>mudarat</i>	مُضَرَّةٌ	<i>mudarrat</i>
منفعت	<i>manfa`at</i>	مَنْفَعَةٌ	<i>manfa`at</i>
موافقت	<i>muafakat</i>	مُوَافَقَةٌ	<i>muāfaqat</i>
نعمت	<i>nikmat</i>	نَعْمَةٌ	<i>ni`mat</i>

“Jadual 4.4 , sambungan”

وصیت	wasiat	وَصِیَّةٌ	wasiat
------	--------	-----------	--------

Peminjaman istilah-istilah di atas sepatutnya kekal dengan menggunakan *ta'marbūtah* (ة) tetapi pengarang telah menuarkannya dengan menggunakan *ta'mabsūtah* (ت).

4.1.3.2 ISTILAH YANG MENGGANTIKAN *TA'MABSŪTAH* (ت)

KEPADA *TA'MARBŪTAH* (ة)

Pengarang juga telah berlawanan dengan konsep di atas di mana pada tempat yang lain beliau telah menggantikan *ta'mabsūtah* (ت) kepada *ta'marbūtah* (ة). Ini tidak banyak berlaku dan hanya melibatkan dua istilah sahaja . ثابت وقت dan . Pengarang telah menuarkan *ta'mabsūtah* (ت) kepada *ta'marbūtah* (ة) di mana istilah وقته telah ditulis sebagai ثابت (1913: 173) dan ثابة (1913: 40). Ini tidak sepatutnya berlaku kerana *ta'mabsūtah* (ت) yang ada ialah huruf asal bagi istilah terbabit.

4.1.3.3 ISTILAH YANG MENGGUNAKAN KEDUA-DUA JENIS HURUF *TA'* (ت)

Satu perkara lain yang dijumpai ialah istilah yang tidak tetap dalam penggunaan kedua-dua jenis huruf *ta'*(ت) ini. Istilah yang sama dijumpai menggunakan bentuk huruf yang berlainan pada muka surat yang berlainan. Pada

satu keadaan ia telah ditulis dengan *ta'marbūtah* (ت) dan pada keadaan yang lain ia ditulis dengan menggunakan *ta'mabsūtah* (ت) pula. Keadaan ini menunjukkan kelemahan pengarang dalam menentukan ejaan sesuatu istilah. Antara istilah yang terlibat ialah seperti berikut :

Jadual 4.5 : Istilah yang menggunakan kedua-dua jenis huruf *ta'*

Penggunaan ta'mabsutah (ت)	Muka surat	Penggunaان ta'marbutah (ة)	Muka surat
ثابت	(1913:11)	ثابة	(1913:40)
دهشت	(1913:165)	دهشة	(1913:174)
شفعت	(1913:180)	شفعة	(1913:287)
صيحت	(1913:299)	صيحة	(1913:11)
صيفت	(1913:26,27)	صيففة	(1913:11,15)
عبارة	(1913:15)	عبارة	(1913:58)
قوات	(1913:133)	قواة	(1913:169)
مضرت	(1913:31,32)	مضرة	(1913:89)
وقت	(1913:37.38)	وقة	(1913:173)

Di sini penulis tidak dapat meneka apakah pendirian pengarang dalam hal ini samada kesilapan ini disengajakan ataupun tidak. Kemungkinan juga kesilapan berlaku pada langkah-langkah penyemakan yang tidak dijalankan dengan sempurna.

4.1.3.4 ISTILAH YANG MENGHILANGKAN TITIK TA'MARBUTAH (ۚ)

Dalam kes yang lain penulis mendapati pengarang telah meninggalkan titik bagi huruf *ta'marbūtah* (ۚ) dan ia dibunyikan sebagai huruf *ha'* (هـ) sahaja. Ini secara langsung telah menjadikan istilah-istilah tersebut menjadi bunyi istilah Melayu, iaitu seperti (*munasabah*) dan (*kaedah*). Memang tidak dapat dinafikan bahawa di dalam bahasa Arab bagi huruf *ta'marbūtah* (ۚ) apabila diwaqafkan ia dibunyikan dengan huruf *ha'* (هـ) tetapi tulisannya tetap dikenal pasti kerana ia bersifat sementara dan apabila disambung dengan perkataan lain bunyi huruf *ta'* (تـ) akan kedengaran degan jelas (Dr Imil Badi' Ya'qub, 1983:141). Nampaknya di sini pengarang mengambil sebahagian hukum sahaja, iaitu membunyikannya sebagai *ha'* (هـ) dan meninggalkan titiknya sekali. Hal ini tidak berlaku dalam bahasa Arab kecuali memang asal perkataan tersebut menggunakan huruf *ha'* (هـ) pada akhirnya seperti *إِكْرَاء* dan *تَوْجِهٌ* dan seperti yang terdapat dalam kitab ini, iaitu *إِكْرَاء تَوْجِهٌ*.

Berikut ialah sejumlah istilah yang terdapat dalam Majalah Ahkam Johor yang dihilangkan titik *ta'marbūtah* (ۚ) dalam tulisannya :

Jadual 4.6 : Istilah yang menghilangkan titik *ta'marbūtah* (ۚ).

Istilah dalam MAJ	Sebutan dalam BM	Asal istilah dalam BA	Sebutan dalam BM
اجاره	<i>Ijarah</i>	إِجَارَة	<i>Ijarat</i>
امانه	<i>Amanah</i>	أَمَانَة	<i>Amanat</i>

“Jadual 4.6, sambungan”

ترکه	<i>Tarikah</i>	ترکه	<i>Tarikat</i>
جماعه	<i>Jamaah</i>	جماعۃ	<i>Jamā`at</i>
جمله	<i>Jumlah</i>	جملۃ	<i>Jumlat</i>
حجہ	<i>Hujjah</i>	حجۃ	<i>Hujjat</i>
حوالہ	<i>Hiwalah</i>	حوالۃ	<i>Hiwālat</i>
خیمه	<i>Khemah</i>	خیمة	<i>Khimat</i>
رخصہ	<i>Rukhsah</i>	رخصۃ	<i>Rukhsat</i>
شریکہ	<i>Syarikah</i>	شرکۃ	<i>Syarikat</i>
صدقة	<i>Sedekah</i>	صدقة	<i>Sadaqat</i>
عمارہ	<i>Imarah</i>	عمارۃ	<i>Imārat</i>
قاعیدہ	<i>Kaedah</i>	قاعدۃ	<i>Qā`idat</i>
کفالہ	<i>Kafalah</i>	کفالة	<i>Kafālat</i>
محکمہ	<i>Mahkamah</i>	محکمۃ	<i>Mahkamat</i>
مسئلہ	<i>Masalah</i>	مسئلۃ	<i>Mas'alat</i>
مضاربہ	<i>Mudarabah</i>	مضاربۃ	<i>Mudārabat</i>
مفواضہ	<i>Mufawadah</i>	مفواضۃ	<i>Mufāwadat</i>
مقابضہ	<i>Muqabadah</i>	مقابضۃ	<i>Muqābadat</i>
نسبہ	<i>Nisbah</i>	نسبۃ	<i>Nisbat</i>

Sebutan bahasa Arab bagi huruf *ta'marbūtah* (ت) terdapat dua bentuk bunyi. Apabila diwaqafkan akan berbunyi seperti huruf *ha'* (ه) atau fonem /h/ dan apabila disambungkan akan berbunyi seperti huruf *ta'* (ت) atau fonem /t/. Sebagai contoh, istilah فائدة الكبّرى apabila diwaqafkan berbunyi sebagai (*faidat*) dan bagi فائدة مُحَكَّمة ia disebut sebagai (*faidatul-kubrā*) dengan mengembalikan bunyi huruf *ta'* (ت). Manakala sebutan *ta'marbūtah* (ت) bagi bahasa Melayu juga terdapat dua bentuk. Pertamanya, menjadikannya terus sebagai fonem /h/ dan keduanya, sebagai fonem /t/. Contohnya bagi istilah مُحَكَّمةٌ وَفَائِدَةٌ disebut sebagai (*mahkamah*) dan (*faedah*) tetapi bagi istilah صفةٌ وَعَبَارَةٌ pula disebut sebagai (*sifat*) dan (*'ibarat*). Walau bagaimanapun daripada jumlah istilah yang tersenarai kesemuanya mengakhiri sebutan dengan fonem /h/.

Bagi istilah آخرة (1913:1) titiknya kekal di sini kerana sebutannya dibunyikan sebagai /akhirat/. Begitu juga dengan istilah lain yang diakhiri dengan fonem /t/ yang ditulis dengan *ta'marbūtah* (ت) seperti yang telah kita bincangkan sebelum ini, iaitu yang menggunakan kedua-kedua jenis huruf *ta'* (lihat jadual 4.5).

4.1.4 PENGGUNAAN ALIF MAQSŪRAH (ى) DAN ALIF MAD (إ) YANG TIDAK TETAP DI AKHIR ISTILAH PINJAMAN.

Bersesuaian dengan penerangan Za'ba (1949:35) yang mengatakan ejaan kata pinjaman boleh diubah dari bentuk asalnya sekiranya sudah biasa dibuat demikian dan ia telah dibuktikan dalam Majalah Ahkām Johor. Antara contoh yang diberikan oleh Za'ba ialah menulis دُعَوْيَةً sebagai معنیٰ dan دُعَوْيَةً sebagai معناً dengan hujah

“telah biasa dieja orang menyalahi kaedah asalnya”. Jadi apakah perbezaan antara alif yang ditulis dengan bentuk (ى) dan bentuk (۵)?

Alif *maqsūrah* mempunyai dua bentuk. Ditulis begini (ى) bagi perkataan yang berasal daripada huruf *ya'*, dan ditulis begini (۵) jika ia berasal daripada huruf *wau*. Alif yang mempunyai *hamzah* selepasnya pula dipanggil *alif mamdudah* (اء). Bentuk terakhir ini kita tidak bincangkannya dengan lebih lanjut kerana kita hanya menjumpai satu istilah sahaja, iaitu ابراء dan ia ditulis dengan betul sama seperti bentuk asalnya dalam bahasa sumber.

Terdapat beberapa istilah yang diakhiri dengan *alif* selain daripada *alif mamdūdah* seperti di atas, iaitu لغا, رِضا, دعوا و معنا. Kita mungkin boleh menerima pendapat Za'ba dalam hal yang mengatakan boleh ubah ejaannya dengan alasan tertentu tetapi mengapa berlaku dua bentuk yang berlainan bagi satu istilah, itulah yang menjadi tanda tanya. Istilah دعوا (1913:11) dijumpai telah menggunakan bentuk yang berlainan, iaitu دعوی (1913:53,58) sedangkan ia digunakan pada makna yang sama. Di sini, jelaslah kepada kita ketidakperihatinan pengarang dalam menjaga istilah yang berasal dari bahasa Arab yang tersohor ini. .

Dr. Imil Badi'Ya'qub (1983:15) telah menerangkan kata nama yang menggunakan *alif maqsūrah* (ى) iaitu, pertama, nama bagi bukan Arab seperti مُوسَى موسى dan dua nama Arab يَحْيَىٰ, عَيْسَىٰ, كِسْرَىٰ, بُخَارَىٰ, رَبِيعَىٰ, مَتَّىٰ, فَتَىٰ, الْهَدَىٰ, مُضَطَّفَىٰ مَأْوَىٰ dan ثُلَاثَىٰ yang bertukar daripada *ya'* seperti قَتَىٰ, فَتَىٰ, الْهَدَىٰ dan ketiga selain daripada *thulāthī* yang tidak didahului oleh *ya'* seperti مُضَطَّفَىٰ مَأْوَىٰ

لغا ، رِيْضَا ، دُعَوَا لغا ، رِيْضَا ، دُعَوَا
Untuk mendapatkan kepastian ejaan sebenar bagi istilah tersebut
dan معنا kita hendaklah terlebih dahulu melihat kepada sumber asal istilah tersebut
kerana daripada empat istilah ini ada yang bertepatan dengan kaedah dan ada yang
• sebaliknya.

1) لغا

Di dalam Lisan al-Arab (1990:15:251) لغا dijumpai dalam beberapa keadaan
dengan beberapa makna yang berlainan. لغَى - يَلْغَى - لَغْوًا لغَى - يَلْغَى - لَغْوًا
memberi makna bercakap. Dan pada makna yang lain لغَة - لَغَّى لغَة - لَغَّى
memberi makna bercakap pada perkara yang sia-sia. Jadi daripada sinilah
istilah لغا diambil dan disesuaikan di dalam Majalah Ahkam Johor seperti dalam
ungkapannya:

"...نَهَى إِكْوَ جَوَالَ إِكْنَ بَارِغَ كَفْدَ اَنْجَوَ دَغْنَ هَرَفَ سَرَاتِسَ دَوَافُولَه"

رِيْغَنْكِيتَ دَانَ قَبُولَ قَبْلِيَ نَسْجَايَ لغا لَهَ اِيجَابَ يَغْ فَرَتَامَ دَانَ صَحَلَه عَقَدَ

جوالبلي دَغْنَ سَرَاتِسَ دَوَافُولَه رِيْغَنْكِيتَ (1913:25)

Dengan ini penulisan istilah tersebut dengan menggunakan alif mad adalah betul.

2) رِيْضَا

رَضِيَ - يَرْضَى - رِيْضَا yang
Istilah رِيْضَا berasal daripada *fi'l رِيْضَا* (1990:14:323) ia ditulis dengan menggunakan *alif maqsūrah* (ا) sebagai الرَّضَا .

Istilah ini tidak menggunakan *alif maqsūrah* (ى) kerana huruf *alif* itu berasal daripada huruf *wau* (و). Ini diketahui daripada kata terbitannya yang lain dan kata nama yang menunjukkan dua (*muthanna*) di mana huruf *wau*nya akan dikembalikan.

- **رَضِيَ - يَرْضَى - وَرْضَانًا** (رضي) menunjukkan kata masdar yang dikembalikan huruf *wau* (و) padanya. Maka dengan ini bertepatanlah dengan tulisannya menggunakan *alif maqsūrah* dengan bentuk (١) cuma sedikit perbezaan iaitu tulisan Jawi tersebut telah menambah huruf vokal (ى) di antara huruf *ra'* (ر) dan *dad* (ض).

3) معنا

Istilah **معنا** dengan menggunakan *alif mad* (ا) tidak dijumpai dalam kamus tetapi yang dijumpai ialah **معنى** dengan menggunakan *alif maqsūrah* (ى). Ia dijumpai dalam *Lisān al-Arab* (1990:15:106) dengan menggunakan *alif maqsūrah* (ى) begitu juga di dalam *Mu'jam al-Wasit* (1985:656) memandangkan ia berasal dari *fi l-عَنْيَةِ* memberi erti maksud atau makna yang dikehendaki. Berhubung dengan itu, dengan dalil yang ada penggunaan *alif maqsūrah* (ى) hendaklah dikenalkan. Tetapi pengarang telah menjadikannya seperti istilah yang berakhir dengan *alif* yang lain kerana mengikut bunyi sebutan bahasa Melayu yang tidak ada perbezaan tulisan pada sebutan vokal (a) apabila ia berada di akhir kalimah.

petikannya ialah :

كفاله ايت مغهيمقونكن ساتو تغكتوغن كف ساتو تغكتوغن قد منتوت اكن
سسوات يعني مغهيمقونكن اوله سوراخ اكن تغكتوغن كف تغكتوغن اورغللين.

(1913:100)

dan

هرتا يعدهر كاكن ايت دفاكي قد دوا معنا فرتام دعن معنا دهاروسكن مغمبيل
منقعت دغندى . كدوا دعن معنا هرتا يع دقليهارا .

(1913:17)

4) دعوا

Di dalam Majalah Ahkam Johor istilah dijumpai dalam dua bentuk. Pertama dengan menggunakan *alif mad* (ا), iaitu دعوا , kedua dengan menggunakan *alif maqṣūrah* (ي) iaitu دعوي . Dan sesetengahnya pula mempunyai titik yang ditulis sebagai مدعوي (1913:170) seperti huruf ya' (ي). Di sini penulis tidak dapat memberikan kepastian sebutan sebenar adakah disebut (mendakwa) atau (mendakwi).

Istilah ini berasal dari *fi'l - يَدْعُو* (دعاؤ) (1990:14:257). Istilah ini memberi makna bercakap mengenai atau menuntut haknya. Pada makna yang lain ia memberi makna do'a dengan dalil daripada firman Allah yang berbunyi :

وَآخِرُ دُعَوْتُهُمْ أَنَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

yang bermaksud “*dan pada akhir doa mereka, segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam.*” (Yunus,10 :10)

Daripada bukti-bukti yang ditemui maka jelaslah bahawa ejaan sebenar bagi istilah ini ialah dengan menggunakan *alif maqsūrah* (ى) bukan dengan menggunakan *alif mad* (ا). Ia juga turut ditulis demikian dalam *Mujam al-Wasit* (1985:296). Penulisan دعوى dan دعوا di dalam Majalah Ahkām Johor menunjukkan kepada kita sistem ejaan yang belum diseragamkan pada masa itu. Ia telah digunakan dengan meluas baik dari segi pertuturan dan penulisan tetapi ejaannya tidak diambil kira. Maka dengan itu timbulah ejaan yang tidak tetap ini dan ia hanya bergantung kepada sebutan bunyi semata-mata.

4.1.5 PENUKARAN HURUF FA’ (ف) KEPADA HURUF JAWI (ڦ)

YANG MELUAS

Penemuan terakhir yang ditemui penulis ialah penukaran huruf fa’ (ف) kepada huruf Jawi pa (ڦ) yang meluas. Penulis mendapati hampir 90% daripada istilah pinjaman yang mempunyai huruf fa’ (ف) ditulis dengan menggunakan huruf pa (ڦ). Sebagaimana yang kita telah maklum bahawa tulisan Jawi telah menerima kesemua huruf Arab, bagaimanapun keperluan sebutan dan bahasa yang berbeza memaksa ia menambah enam huruf baru untuk enam fonem Melayu yang tidak

terdapat dalam bahasa Arab (Syed Naguib Al-Attas, 1972:61 dan lihat juga Amat Juhari Moain, 1996:20). Huruf-huruf tersebut ialah :

1. ﺣ daripada huruf ح untuk fonem (c)
2. ﻍ daripada huruf غ untuk fonem (q)
3. ﺮ daripada huruf ر untuk fonem (g)
4. ﻒ daripada huruf ف untuk fonem (p)
5. ﻊ daripada huruf ع untuk fonem (n)
6. ﻊ daripada huruf و untuk fonem (v)

Dengan penambahan huruf-huruf ini fonem-fonem Melayu dapat dilambangkan dengan baik dalam penulisan. Ini adalah salah satu kemajuan bahasa dalam sejarah pemodenan bahasa Melayu yang patut dikagumi. Tetapi dalam konteks peminjaman bahasa asing telah berlaku sedikit kemosyikilan di dalam kitab ini kerana kebanyakan istilah bahasa Arab yang menggunakan huruf *fa'* (ف) padanya telah ditukarkan kepada huruf Jawi (ڻ) kecuali pada beberapa istilah yang tidak pula mengalami perubahan. Masalahnya ialah apakah sebutan yang sepatutnya bagi istilah-istilah tersebut yang tentunya turut mengalami perubahan jika bentuknya telah diubah suai.

Antara istilah yang dikenalkan huruf *fa'* (ف) padanya ialah seperti :

مفاظه dan لفظ , فقه , عروف , شفيع , تصرف , وقف .

Manakala istilah-istilah yang mengalami penukaran pula ialah seperti di dalam jadual berikut :

Jadual 4.7 : Istilah yang menukarkan huruf (ف) kepada huruf Jawi (ف)

Istilah dalam MAJ	Asal istilah dalam BA	Sebutan dalam BM
نَفَّاْتُ (1913 :271)	نَفَّاْتُ	Tafāut
سَفِيْهٌ (1913 :171)	سَفِيْهٌ	Safīh
شَفَعَتْ (1913 :40)	شَفَعَتْ	Syufāt
صِيفَتْ (1913 :27)	صِيفَةٌ	Sifat
فَائِدَه (1913 :12)	فَائِدَه	Fāidah
فَاسِدٌ (1913 :16)	فَاسِدٌ	Fāsid
فَاسِقٌ (1913 :167)	فَاسِقٌ	Fāsiq
فَسَخٌ (1913 :25)	فَسَخٌ	Faskh
فَصْلٌ (1913 :10)	فَصْلٌ	Fasl
فَصُولٌ (1913 :266)	فَصُولٌ	Fuṣul
فَضُولِي (1913 :198)	فَضُولِي	Fudhūli
فَلَان (1913 :12)	فَلَان	Fulan
فَهْم (1913 :21)	فَهْم	Fahm
فَرْض (1913 :136)	فَرْض	Fardū
فَيْكِير (1913 :271)	فَكَرْ	Fikr

“Jadual 4.7, sambungan”

كفاله (1913 :241)
كيفيت (1913 :41)
مفلس (1913 :45)
مفهوم (1913 :11)
منفعة (1913 :12)
موافق (1913 :22)
نافي (1913 :13)
نفقة (1913 :172)

كفاله	Kafalat
كيفيت	Kaifiyat
مفلس	Muflis
مفهوم	Mafhūm
منفعة	Manfa`at
موافق	Muāfaqat
نافي	Nāfi
نفقة	Nafqah

Dengan berlakunya perubahan pada istilah-istilah tersebut, kita tidak dapat meneka sebutannya yang sebenar kerana sedia maklum bahawa huruf pa (ض) adalah untuk fonem /p/. Dan sekiranya ia dibunyikan demikian ia bertentangan dengan bahasa asal dari kedua-dua segi ejaan dan sebutan. Penukaran ini tidak sepatusnya berlaku dalam menjaga peminjaman istilah bahasa Arab sekiranya benar-benar mengambil berat sumber bahasa tersebut.

4.2 PEMBENTUKAN PERISTILAHAN PINJAMAN BAHASA ARAB DALAM MAJALAH AHKAM JOHOR 1913

Bahasa Arab ialah bahasa al-Quran yang mana di dalamnya terdapat segala hukum perundangan Islam yang diajarkan kepada kita melalui baginda Rasulullah (s.a.w.). Bermula dengan inilah kita mendapat banyak istilah-istilah bahasa Arab

yang diturunkan turun-temurun melalui para ulamak dan bijak pandai dalam menyampaikan dakwah dan ajaran Islam. Perkembangan ilmu yang seiring dengan perjalanan masa telah menjadikan istilah-istilah tersebut dipinjam terus dalam bentuk kekal oleh lidah orang Melayu di rantau ini. Menurut Amran Kasimin, perubahan kata-kata Arab menjadi bunyi bahasa Melayu adalah biasa dan ia bukan dibuat-buat secara sengaja (1987:14).

Dengan keperluan ilmu tersebut Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengenal pasti peristilahan dari bahasa asing melalui empat proses pembentukan, iaitu proses kata akar, pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan (Pedoman Umum Pembentukan Istilah, 1991:8-9). Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan membincangkan keempat-empat proses tersebut berdasarkan kepada istilah pinjaman yang ditemui dalam Majalah Ahkam Johor.

4.2.1 PERISTILAHAN BENTUK KATA AKAR

Bentuk kata akar ialah kata yang digunakan secara tunggal dan tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak mengalami proses penggandaan dan pemajmukan (Tatabahasa Dewan, 1994:61). Dalam konteks peristilahan di dalam kajian ini pula ia didefinisikan sebagai istilah bahasa Arab yang dipinjam secara tunggal dan tidak mengalami ketiga-tiga proses tersebut. Walau bagaimanapun kata tunggal berkenaan terdedah kepada penggunaan yang luas dan mempunyai potensi untuk menjadi kata terbitan. Dengan itu, tidak hairanlah daripada jumlah 233 entri pinjaman bahasa Arab yang dijumpai dalam kitab kajian, 45 daripadanya berulang sebagai kata terbitan.

Kebanyakan bentuk kata akar yang dipinjam adalah dari jenis kata nama.

Kata nama ini terbahagi pula kepada beberapa bahagian yang lain seperti :

i. *ism fa'il*, contohnya seperti ظالِم , جَاهِل , بَاقِي , بَالِغٌ , ولی , وَارِث , وَكِيل dan sebagainya .

ii. *ism maf'ul*, contohnya seperti مَوْجُود مُوكَل مَجْهُول مَنْسُوخ dan sebagainya .

iii. *ism masdar*, contohnya seperti تَأْوِيل , إِكْرَاه , رِذْن , إِجْتَهَاد , وَصِيَّةٌ , حَوَالَةٌ , رَجُوعٌ , وَكَالَهُ , تَقْصِيرٌ dan banyak lagi. (Jenis inilah yang paling banyak digunakan)

iv. *ism makān*, contohnya seperti مَحْكَمَه dan مجلس

Daripada jenis-jenis kata nama ini jenis *ism masdar*lah yang dipinjam dengan meluas dan diserapkan dalam ayat sehingga pada sesetengah keadaan menjadikannya kata kerja secara tidak langsung tanpa mengubah ejaannya dalam bentuk asal. Sebagai contoh bagi istilah kata nama رَجُوع apabila ditambah imbuhan awalan *me-* iaitu مَرْجُوع jadilah ia kata kerja dengan ejaan asalnya sebagai *ism masdar*.

Perubahan ini dilihat dengan ketara di dalam tulisan Jawi berbanding dengan tulisan rumi kerana persamaan aksara yang digunakan. Hal inilah yang cuba diketengahkan oleh Abdul Rahman Rukaini (1996:41) dalam konteks jenis golongan kata yang berubah apabila masuk ke dalam bahasa Melayu. Beberapa istilah di dalam Majalah Ahkam Johor turut terlibat dalam hal ini. Antaranya ialah حکم menjadi

، دحولهکن حواله ، دحرامکن menjadi حرام ، شرطکن menjadi شرط ، دحکمن معمارهکن menjadi عماره dan منطالقکن طلاق.

- 4.2.2 PERISTILAHAN BENTUK KATA TERBITAN

Selain daripada bentuk kata akar ia juga dipinjam dalam bentuk kata terbitan. Kata terbitan terhasil daripada proses pengimbuhan, iaitu proses yang menambahkan atau menggandingkan imbuhan pada kata dasar (Tatabahasa Dewan, 1994:53). Hasilnya, istilah kata akar tersebut akan menghasilkan satu bentuk kata terbitan samada dalam bentuk kata nama atau kata kerja. Berdasarkan kepada istilah pinjaman yang ditemui dalam kitab ini imbuhan yang terdapat bersama istilah tersebut melibatkan dua jenis penambah, iaitu :

1. penambahan bahasa Melayu
2. penambahan bahasa Arab.

4.2.2.1 Penambahan bahasa Melayu

Penyerapan istilah pinjaman ini dalam bahasa Melayu menjadi semakin kukuh dengan penambahan imbuhan dan seolah-olah tiada yang membezakan bahawa ia adalah pinjaman dari bahasa asing kecuali penutur memang mengetahui sedikit sebanyak istilah tersebut dalam bahasa sumber. Di dalam Tatabahasa Dewan, imbuhan dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan (1994:69). Walau bagaimanapun di dalam kajian ini, penulis hanya

menjumpai tiga jenis yang pertama daripadanya sahaja. Jenis-jenisnya ialah seperti berikut :

a. Istilah terbitan berawalan

Istilah bentuk ini ialah istilah yang ditambah padanya penambah pada awalnya. Kesemua istilah terbitan yang ditemui dalam bentuk awalan ini membentuk kata kerja. Antara awalan yang dijumpai bersama istilah pinjaman di dalam kitab ini ialah :

- ### i. awalan -o (*me-*)

Satu-satunya istilah yang menggunakan awalan ini ialah ممیلک (*memilik*) (1913:3). Ia ditulis dengan penambahan huruf *mim* (ڻ) sahaja dan tidak melibatkan perubahan pada kata dasar istilah berkenaan.

- ## ii. awalan بـ (ber-)

Awalan *ber-* dengan ejaan (بر) berada di awal istilah dengan berbagai makna yang dibawa. Antaranya برشريكه (*bersharikah*) (1913:190), برواكيل (*berwakil*) (1913:268) dan برسطح (*bersutuh*) iaitu beratap (1913:86) iaitu yang mempunyai atap. Ada juga yang mengalami perubahan ejaan seperti :

“هديه یغدیری قد فکر جان ختان دان قشتنتن جادله ای ممیلک کفند نام

پیغمبر ختن (1913: 150)

Bagi istilah ختان yang kedua iaitu، huruf *alif* telah dibuang dengan masuknya penambah *ber-* sebelumnya.

iii. awalan من (*men-*)

Imbuhan ini menjadikan istilah bertukar menjadi kata kerja transitif. Antaranya ialah istilah دعوا / دعوى yang menjadi مندعوا / مندعوى (1913:11) memberi makna membuat dakwaan.

iv. awalan د (*di-*)

Imbuhan ini banyak dijumpai di dalam Majalah Ahkam Johor bersama istilah pinjaman bahasa Arab. Ia hanya menggunakan huruf *dal* (د) sahaja yang ditambah di awal istilah. Antaranya ialah داعتبار (*diittibar*) (1913:15)، نفسخ (*difasakh*) (1913:40) dan sebagainya.

b. Istilah terbitan berakhiran

Dalam bentuk ini penambah akan berada di akhir kata dasar dengan memberi makna tertentu. Antara imbuhan yang dijumpai bersama istilah pinjaman dalam kitab ini ialah :

i. akhiran ي (- *i*)

Imbuhan ini pula hanya menggunakan huruf *ya'* (ي) dan disambung dengan akhir istilah. Contohnya ميليكينث (*milikinya*) (1913:13) dengan menukar huruf *kaf* (ك) pada asalnya kepada huruf *qaf* (ق).

ii. akhiran كن (-kan)

Akhiran *kan-* yang digunakan sendirian tidak banyak berbanding dengan yang diapit dengan imbuhan lain di awalnya. Contoh bagi imbuhan ini ialah ریضاکن (*redakan*) (1913:47) dan منسخکن (*mansukhkan*) (1913:47).

Selain daripada imbuhan di atas, penulis menjumpai dua lagi penambah yang berada di akhir istilah. Penambah tersebut ialah :

i. akhiran ن (-nya)

Istilah yang berakhir dengan imbuhan ini banyak dijumpai yang kebanyakannya menjadi penekan atau pembenda. Ia ditulis dengan huruf Jawi *nya* (ن). Sebagai contoh kita kerap kali menjumpai حقیقتن (*hakikatnya*), حقن (*haknya*), شفعتن (*shufatnya*) atau واریثن (*warithnya*) dan sebagainya.

ii. akhiran ل (-lah)

Akhiran ini ialah kata penegas yang menjadi penegas kepada istilah untuk menunjukkan sesuatu itu berlaku dengan pasti. Antara istilah yang berakhir dengannya ialah لازمله (*lazimlah*) (1913:21), ریضالله (*redalah*) (1913:21), بطلله (*batallah*) (1913:24) dan صحله (*sahlah*) (1913:24).

c. Istilah terbitan berapitan

Dalam bentuk ini istilah akan berada di tengah-tengah di mana penambah berada di awal dan akhir istilah dan ia mempunyai berbagai jenis bagi menunjukkan makna yang berlainan. Ada yang menjadikan istilah dasar kata kerja dan ada yang menjadikannya kata nama. Antara jenis kata kerja berimbuhan yang dijumpai di kalangan istilah pinjaman di dalam kitab ini ialah :

i. Apitan کن..... (di... ... kan)

Imbuhan apitan ini dijumpai dengan meluas sebagaimana ayat bahasa Melayu biasa yang lain samada melibatkan istilah pinjaman bahasa Arab **دحکمن**, **دفوatkun** (*dikuatkan*) (1913:176), **دراعیکن** (*dihukumkan*) (1913:2), **دنسبهکن** (*dinisbahkan*) (1913:4), **دیرا'ikan** (*dira'ikan*) (1913:150) dan lain-lain.

ii. Apitan کن.....— (me... ... kan)

Antara contoh bagi istilah yang menggunakan imbuhan ini ialah **منفّقہکن** (*menafqahkan*) (1913:172), **ملازمکن**, **melazimkan** (*melazimkan*) (1913:15), **محوالہکن**, **mehiwalahkan** (*mehiwalahkan*) (1913:114) dan sebagainya.

iii. Apitan کن.....م (mem... ... kan)

Imbuhan ini juga digunakan dengan meluas bagi menguatkan kata kerja yang digunakan dari istilah pinjaman tersebut. Antaranya ialah **ممفسخکن** (*membatalkan*) dan **ممفساخکن** (*memfasakhkan*) (1913:47)

iv. Apitan كن.....مغ... (*meng... kan*)

Antara contoh bagi imbuhan ini ialah مُحْكَمْكَن (*menghukumkan*) (1913:11) مُحَاضِيرَكَن (*mengimarahkan*) (1913:183) dan مُحَاضِيرَكَن (*menghadirkan*) (1913:100).

v. Apitan من.....كن (*men... kan*)

Istilah yang menggunakan imbuhan ini seperti yang lain juga ia menjadi bentuk kata kerja contohnya seperti منطَلَقْكَن (*mentalakkan*) (1913:14), منسِفَتْكَن (*mensifatkan*) (1913:28) dan منسِبَكَن (*mensebabkan*) (1913:152).

Perubahan yang dapat dilihat di sini ialah memindahkan huruf vokal pada istilah طلاق dan mengekalkan huruf sin (س) dan sad (ص) dalam sebutan berbanding dengan sebutan bahasa Melayu di mana kita akan menjadikannya fonem / n / iaitu *menyifatkan* dan *menyebabkan*.

vi. Apitan يه.....م (*me... i*)

Antara istilah yang menggunakan imbuhan ini ialah مواريثي (*mewarithi*) dan ممْلِيكَي (*memiliki*) (1913:165). Bagi istilah kedua ini beberapa perubahan telah dikenal pasti. Kata akarnya dieja dengan huruf *kaf* (ك) (1913:96) dan pada sesetengah penambahan ia ditulis dengan huruf *qaf* (ق) ميليقـن (1913:94). Dan di sini kita dapati pengarang mendatangkan kedua-dua huruf *kaf* (ك) dan *qaf* (ق) untuk disesuaikan dengan penambahan ini.

vii. Apitan دعی (di... i)

Penggunaan imbuhan ini biasanya menunjukkan kata kerja pasif dan di dalam kitab ini kita menjumpai beberapa istilah pinjaman yang menggunakannya seperti دمیلیکی (dimiliki) atau (1913:156) (1913:238) (dimiliki) dan دریضای (diredai) (1913:132). Bagi istilah oleh kerana ia berakhir dengan alif maka huruf hamzah ditambah sebelum huruf ya' untuk membunyikannya dengan sempurna.

Dua jenis imbuhan yang terakhir ini menunjukkan istilah terbitan dalam bentuk kata nama, iaitu :

viii. Apitan عن ک (ke... an)

Antara contoh yang dijumpai ialah كلازمن (kelaziman) (1913:15). Hamzah dibuang di sini kerana istilah berakhir dengan huruf konsonan seperti yang nyatakan oleh kaedah Za'ba mengenai undang-undang tulisan Jawi yang disusun oleh beliau (Amat Juhari Moain, 1996:87)

ix. Apitan عن فر (per... an)

فردوان (perdakwaan) (1913:305) bererti kes dakwa yang dituntut atau didakwa oleh seseorang itu di mahkamah atau sebaginya. Seperti yang telah dinyatakan tadi دعوى juga berakhir dengan huruf vokal maka huruf hamzah dibunyikan dengan jelas.

Apitan jenis berikut ini pula ialah gabungan imbuhan awalan dan kata penegas *lah-* iaitu :

x. Apitan م.....ل (me... ... lah)

Apitan ini agak janggal dalam bahasa kita sekarang walau bagaimanapun ia telah digunakan satu masa dahulu. Contoh yang dijumpai ialah ممْلِيْقَلَه (memiliklah) (1913:48) dan مُسْتَحْكَلَه (memustahaklah) (1913:81).

xi. Apitan ل.....بر (ber... ... lah)

Satu-satunya contoh yang dijumpai menggunakan apitan ini ialah بِرْشَارِيكَلَه (bersharikahlah) (1913:184)

xii. ل.....تر (ter... ... lah)

Awalan *ter-* pada asalnya ialah awalan yang membentuk kata adjektif (Tatabahasa Dewan, 1994:223). Di dalam kitab ini pengarang telah memuatkannya dengan beberapa istilah berdasarkan penyesuaian ayat memandangkan ia adalah terjemahan dari bahasa Arab. Antara istilah yang terlibat ialah ترمیلیقله (termiliklah) (1913:48) dan ترفسخله (terfasakhlah) (1913:48). Hasilnya, awalan ini membentuk kata kerja transitif .

Dalam pembentukan kata dengan penambahan-penambahan ini istilah yang berakhir dengan huruf *ta'* (ت) telah dikekalkan apabila ia bersambung dengan imbuhan selepasnya. Contohnya, istilah ثابت و شفعت akan ditulis sebagai

منثابنکن شفتتن . Manakala bagi istilah yang menghilangkan titik *ta'marbutah* (ۚ) ia akan kekal sebagai huruf *ha'*(هـ) ketika bersambung dengan imbuhan selepasnya. Sebagai contoh, istilah شریکه (*sharikah*) dan عماره (*'imarah*) ia akan ditulis sebagai دشريكهكن (*disharikahkan*) dan معمارهكن (*meng'imarahkan*) tetapi ada juga yang didatangkan dengan huruf *ta'*(تـ) seperti دشريكتكن (*yang disharikatkan*) (1913:97) .

4.2.2.2 Penambahan bahasa Arab

Terdapat dua jenis penambah yang dijumpai bergandingan bersama istilah pinjaman, iaitu penambah *-i* dengan huruf ya' (ي) di akhir istilah yang dikenali sebagai *ya' nisbah* (ياءُ النسبة) فضولي (1913:198) dan شرعي (1913:180). Menurut Abdul Rahman Rukaini (1996:46) *nisbah* digolongkan ke dalam kata adjektif dan ia tertakluk kepada hukum genus dan jamak. Bentuk yang terbina daripada gabungan penambah *nisbah* ini akan memberikan makna yang sedikit berbeza dengan kata asal. Manakala yang keduanya ialah penambah *-iyyah* yang terdapat pada perkataan شرعية (1913:1)

Menurut Asmah Omar (1991:49-50), akhiran Arab *-i* masuk ke dalam bahasa Melayu sebagai bahagian daripada keseluruhan kata yang berkenaan. Akhiran ini digunakan pada kata nama maskulin berbanding pada kata nama feminin yang akan menggunakan akhiran *-iyah*. Sebagai contoh perbezaan antara **عَذْرٌ شَرِيعَى** dan **مُحَكَّمَةً شَرِيعَةً** dan sebagaimana yang terdapat di dalam kitab kajian seperti

مسئله شرعیه

(1913:1). Menurut Arbak Othman (1989:79) imbuhan-

imbuhan yang dipinjam ini hanya dipakai bersama-sama dengan perkataan yang berasal dari bahasa Arab juga.

4.2.3 PERISTILAHAN BENTUK KATA MAJMUK

Kata majmuk ialah bentuk kata yang wujud apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan menjadi satu kesatuan sintaksis yang membawa makna tertentu (Tatabahasa Dewan, 1994:48). Pemajmukan juga turut berlaku dalam bahasa Arab dan ia juga turut dipinjam dan digunakan dalam bahasa Melayu. Di dalam kitab kajian juga turut ditemui beberapa contoh kata majmuk yang dipinjam secara langsung. Antara contoh-contoh tersebut ialah :

- | | | | | | |
|----|---------------|--------------------|--------------|-------------|-----|
| 1) | شريكه اباحة | (1913:222) | بيت المال | (1913:57) | 7) |
| 2) | عذر شرعي | (1913:180) | شريكه مقاوضه | (1913:241) | 8) |
| 3) | اجرة المثل | (1913:85) | شريكه عنان | (1913: 241) | 9) |
| 4) | شريعة الاسلام | (1913: pengenalan) | شريكه اموال | (1913: 241) | 10) |
| 5) | خيار صيغت | (1913:49) | شريكه اعمال | (1913: 241) | 11) |
| 6) | خيار شرط | (1913:47) | شريكه وجوه | (1913: 241) | 12) |

Istilah-istilah ini dipinjam dan digunakan terus memandangkan ia tidak dapat diterjemahkan atau terjemahannya yang terlalu panjang untuk disusun di dalam ayat bahasa Melayu. Pada ayat yang lain sesetengah istilah diterjemahkan separuh daripadanya seperti خيار هرك, (1913:50), خيار چاقت (1913:53), خيار ليهت (1913:53),

(1913:49) dan خیار متنتوکن (1913:50). Kemungkinan di sini terjemahannya ringkas serta tepat dan boleh disesuaikan dalam ayat Melayu.

• 4.2.4 PERISTILAHAN BENTUK KATA GANDA

Di dalam bahasa Arab kata ganda dikenali sebagai *jama'* dan sebagaimana bahasa Melayu ia juga mempunyai kaedah penggandaannya yang tersendiri. Penggandaan dalam bahasa Arab membahagikan nama kepada beberapa jenis. Nama-nama yang menunjukkan kepada dua dinamakan *muthanna* dan *jama'* adalah untuk nama-nama yang menunjukkan lebih daripada dua. *Jama'* juga terbahagi kepada tiga bahagian yang lain, iaitu **جمع مؤنث سالم**, **جمع مذكر سالم** dan **جمع تكبير**. Bahasa Arab sangat mementingkan maskulin dan feminin dalam pembentukan katanya sebab itulah setiap pembentukan kata bahasa ini sangat terperinci dan memandang berat kepada jenis jantina tersebut.

Sehubungan dengan itu, penggandaan kata Arab ini turut dipinjam secara langsung. Berbalik kepada kajian Majalah Ahkam Johor, penulis menjumpai dua jenis *jama'* sahaja, iaitu dari jenis **جمع مؤنث سالم** dan **جمع تكبير**. Jenis yang pertama, iaitu **جمع مؤنث سالم** ialah kata *jama'* bagi nama-nama yang menunjukkan *mu'annath* atau feminin pada kata akarnya. Istilah-istilah tersebut ialah:

- i. عقوبات (1913:2) - berasal dari **عقوبة** yang bermaksud hal-hal keseksaan

- ii. ضرورة (1913:5) – berasal dari yang bermaksud kesusahan atau keadaan yang susah
- iii. مناكلات (1913:2) - berasal dari yang bermaksud hal ehwal pernikahan
- iv. معاملات (1913:2,171) - berasal dari yang bermaksud urusan pergaulan manusia dan perniagaan mereka

Dari contoh pula ialah اموال وجوه dan جمع تكسير (1913:241) di mana jenis ini ialah yang berubah daripada bentuk asalnya ketika *mufra,d* iaitu مال ، وجہ و عمل .

Selain daripada istilah di atas kebanyakan penggandaan yang digunakan adalah penggandaan istilah dasar dengan meletakkan angka dua Arab selepasnya seperti حکم٢ ، واریث٢ ، حق٢ dan sebagainya. Angka dua ini sebenarnya tidak pernah wujud dalam bahasa Arab dan ini adalah pengaruh bahasa Melayu yang sememangnya sebatی pada lidah pengarang dan bangsa Melayu amnya. Menurut Asmah Omar (1991:25) gejala meletakkan angka dua ini hanya terdapat di alam Melayu dan telah wujud sejak empat abad yang lampau sebelum dimansuhkan oleh ejaan baru yang dipersetujui bersama oleh Malaysia dan Indonesia pada tahun 1972.

Terdapat juga istilah yang dijumpai dalam bentuk penggandaan yang agak terikat dengan penterjemahan. Istilah pertama ialah بريضا٢ yang kita dapati dalam petikannya:

"صلح ایت عقد مپسیکن ڦرکادو هن دُخن بريضا ۲ مک صخدُخن

ایجاب دان قبول". (1913:282)

- Istilah ini sudah tidak digunakan lagi sekarang Kita mungkin menterjemahkannya sebagai saling reda-meredai. Kemungkinan pengarang cuba menterjemahkannya daripada istilah تراض yang mana ia paling hampir kepada makna itu.

Istilah kedua pula ialah بردعوا ۲ seperti di dalam petikannya :

....امقامش جکلو بردعوا اور غیغ تیاد ممکن دُخن اور غیغ ممکن فد

سئیکور کودا بتینا دان تیف ۲ درقد کدو ان مندوا اکن کودا ایت هرتان

نسچای دمنگکن بینه تاخن یغ ممکن ایت. "....

Seperti halnya di atas tadi dalam ayat yang betul kita akan menterjemahkannya sebagai “saling dakwa-mendakwa”. Kemungkinan di sini terjemahan daripada perkataan تَدَاعَى - يَتَدَاعَى (al-Wasit,1985:296).

4.3 PERSAMAAN DAN PERBEZAAN MAKNA DALAM KONTEKS PEMINJAMAN ISTILAH BAHASA ARAB DALAM MAJALAH AHKAM JOHOR 1913M DENGAN BAHASA SUMBER.

Di dalam bahagian ini penulis akan melengkapkan analisa dengan melihat perbandingan makna di antara istilah pinjaman yang digunakan dalam Majalah Ahkam Johor dengan penggunaanya dalam bahasa sumber dengan merujuk kepada

beberapa kamus utama seperti *Mujam al-Wasit* dan *Lisan al-Arab*. Kamus Istilah Fiqh dan Kamus al-Hamidi turut membantu dalam mencari perbezaan dan persamaan makna sebagai rujukan. Penulis membahagikan istilah-istilah yang ditemui kepada dua bahagian yang berasingan, iaitu:

- i) istilah yang sudah diterima dalam bahasa Melayu
- ii) istilah agama Islam

Pembahagian ini dibuat berdasarkan kepada 233 entri yang mewakili istilah pinjaman bahasa Arab dalam kitab kajian.

4.3.1 Istilah yang sudah diterima dalam bahasa Melayu

Istilah yang dimaksudkan di sini ialah istilah bahasa Arab yang sudah sebatи dalam penggunaan bahasa Melayu di mana ia bukan merupakan istilah agama dan subbidangnya. Kebanyakan istilah-istilah ini tidak mengalami perubahan makna yang ketara. Ini berlaku kerana kesesuaian dan kekerapan penggunaan yang dilihat dapat diterima sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Justru itu, kita lihat persamaan yang wujud di antara istilah terbabit di dalam jadual berikut :

Jadual 4.8 : Istilah yang telah diterima dalam bahasa Melayu.

Istilah dalam MAJ	Asal istilah dalam BA	Transliterasi BM	Istilah dalam BM
آخرة	آخرة	<i>Akhirat</i>	Akhirat
اختيار	إختيَار	<i>Ikhtiar</i>	Ikhtiar
أخير	أَخِيرٌ	<i>Akhîr</i>	Akhir
اذن	إِذْنٌ	<i>Idhn</i>	Izin

“Jadual 4.8 , sambungan”

اصطلاح	اصطلاح	<i>Istilāh</i>	Istilah
اصل	أَصْلٌ	<i>Asl</i>	Asal
اصلی	أَصْلِي	<i>Asli</i>	Asli
اعتبار	إِعْتِبَارٌ	<i>I'tibār</i>	Iktibar
امان	أُمَانٌ	<i>Amān</i>	Aman
انکر	إِنْكَرٌ	<i>Ingkar</i>	Ingkar
اہل	أَهْلٌ	<i>Ahl</i>	Ahli
اول	أُولَى	<i>Awwal</i>	Awal
ایشارت	إِشَارَةٌ	<i>Ishārat</i>	Isyarat
باب	بَابٌ	<i>Bāb</i>	Bab
بادن/بدان	بَدْنٌ	<i>Bādn</i>	badan
باقي	بَاقِيٌّ	<i>Bāqī</i>	Baki
برکات	بَرَكَةٌ	<i>Barakat</i>	Berkat
تاریخ	تَارِيخٌ	<i>Tarīkh</i>	Tarikh
ترجمه	تَرْجِمَةٌ	<i>Tarjamat</i>	Terjemah
تمدن	تَمْدُنٌ	<i>Tamaddun</i>	Tamadun/moden
جاہل	جَاهِلٌ	<i>Jāhil</i>	Jahil
جماعه	جَمَاعَةٌ	<i>Jamā'at</i>	Jamaah
جمله	جَمْلَةٌ	<i>Jumlat</i>	Jumlah
جنس	جِنْسٌ	<i>Jins</i>	Jenis
جواب	جَوَابٌ	<i>Jawāb</i>	Jawab
جیران	جِرَانٌ	<i>Jirān</i>	Jiran
حاجت	حَاجَةٌ	<i>Hajat</i>	Hajat
حاصل	حَاسِلٌ	<i>Hāsil</i>	Hasil
حاضر	حَاضِرٌ	<i>Hādir</i>	Hadir
حال	حَالٌ	<i>Hal</i>	Hal

“Jadual 4.8 , sambungan”

عمر	عمر	<i>'Umr</i>	Umur
عمل	عمل	<i>'Amal</i>	Amal
عموم	عموم	<i>'Umūm</i>	Umum
غائب	غائب	<i>Ghā'ib</i>	Ghaib
قائدہ	فائدة	<i>Fa'idat</i>	Faedah
فصل	فصل	<i>Fasl</i>	Fasal
قوم	قوم	<i>Qaum</i>	Kaum
كتاب	كتاب	<i>Kitāb</i>	Kitab
لازم	لازم	<i>Lāzim</i>	Lazim
لفظ	لفظ	<i>Lafz</i>	Lafaz
ماتي	مات	<i>Mat</i>	Mati
ماهير	ماهر	<i>Māhir</i>	Mahir
مايت	ميت	<i>Maiyit</i>	Mayat
مثل	مثل	<i>Mithl</i>	Mithal
مجلس	مجلس	<i>Majlis</i>	Majlis
مسئله	مسئلة	<i>Mas'alah</i>	Masalah
مستحق	مستحق	<i>Mustahaq</i>	Mustahak
مشهور	مشهور	<i>Masyhūr</i>	Masyhur
معلوم	معلوم	<i>Ma'tūm</i>	Maklum
معنا	معنا	<i>Ma'nā</i>	Makna
مفهوم	مفهوم	<i>Mafhūm</i>	Mafhum
مقصود	مقصود	<i>Maqsūd</i>	Maksud
مبازر	مبازر	<i>Mubadhdhir</i>	Membazir
مناسبه	مناسبة	<i>Munasibah</i>	Munasabah
منفعت	منفعة	<i>Manfa'aṭ</i>	Manfaat
موافق	موافقة	<i>Muāfaqat</i>	Muafakat

“Jadual 4.8 , sambungan”

موجود	مَوْجُود	<i>Maujud</i>	Wujud/ada
مِلِيك	مَلِكٌ	<i>Milk</i>	Milik
نَافِي	نَفِيٌّ	<i>Nafy</i>	Nafi
نَسْبَه	نَسْبَةٌ	<i>Nisbat</i>	Nisbah
نَعْمَت	نَعْمَةٌ	<i>Ni`mat</i>	Nikmat
هَدْيَه	هَدْيَةٌ	<i>Hadiyyat</i>	Hadiah
وَجْه	وَجْهٌ	<i>Wajh</i>	Wajah
وقت	وقْتٌ	<i>Waqt</i>	Waktu
يعني	يَعْنِي	<i>Ya`ni</i>	Yakni/iaitu

Dengan persamaan ini istilah-istilah tersebut semakin sebat dalam bahasa Melayu lebih-lebih lagi dengan kekerapan penggunaannya samada secara lisan mahupun bertulis. Sungguhpun demikian terdapat sedikit perbezaan di antara sebahagian istilah-istilah tersebut di antara makna asal dengan makna yang telah digunakan seharian dalam bahasa Melayu namun kekerapan penggunaannya hampir melupakan kita kewujudan perbezaan tersebut. Di antara perbezaan tersebut ialah seperti berikut :

Istilah	-	Makna dalam bahasa Melayu	-	Makna dalam bahasa Arab
1. اهل	-	anggota	-	keluarga / yang mampu / yang mahir
2. باب	-	bahagian	-	pintu / bahagian yang lebih kecil daripada (كتاب) dan di bawahnya

			mempunyai ceraian yang
			lain.
3. باقٰی	-	lebihan / sisa	- yang kekal
4. جملة	-	Jumlah keseluruhan	- ayat / kesimpulan / jual beli dalam jumlah yang besar (borong)
5. جنس	-	aneka / pelbagai	- bangsa
6. حرمة	-	mulia	- isteri / kehormatan
7. ضرورة	-	kesempitan / kesusahan	- penting / sesuatu yang mesti
8. عام	-	umum	- tahun
9. فصل	-	bahagian	- putus / pisah / ceraian tajuk yang lebih kecil di bawah باب
10. كتاب	-	kitab / buku-buku agama	- semua jenis buku / tajuk yang besar dalam suatu masalah fiqh كتاب الطهارة seperti
11. لازم	-	yang biasa	- yang mesti / tidak boleh tidak / yang wajib
12. مات	-	mati (kata nama)	- yang telah mati (kata kerja)
13. مستحق	-	yang penting	- yang berhak
14. نسبة	-	ilmu perbandingan	- asal / menghukum

	dalam ilmu hisab	sesuatu dengan melihat
15. نعمة	-	kepuasan
	-	kurniaan Allah

Terdapat juga istilah bahasa Arab tulen yang dipinjam secara langsung yang bukan merupakan istilah agama seperti سطح yang bermakna atap atau bumbung sesuatu bangunan.

4.3.2 Istilah Agama Islam

Istilah yang dimaksudkan di sini pula ialah istilah pinjaman dari bahasa Arab yang terdiri daripada pelbagai subbidangnya. Dengan yang demikian ia tidak dapat diterjemahkan kerana ditakuti lari dari makna asal dan terus dipinjam dalam bentuknya yang asal.

Walau bagaimanapun di samping persamaan yang wujud, terdapat juga beberapa perbezaan yang kecil. Ini berlaku kerana istilah bahasa Arab itu mempunyai lebih daripada satu makna dan pengguna bahasa harus berhati-hati dan bijak memilih makna yang sesuai untuk digunakan di dalam ayat. Berikut ialah huraian persamaan dan perbezaan makna jika terdapat dalam peminjaman istilah bahasa Arab dalam kitab kajian :

- 1) اِبْرَاء - berasal dari perkataan اِبْرَاء yang bererti melepaskan dari sesuatu (1985:48) اِبْرَاء اللَّهُ الْمَرْيَضَ bererti Allah melepaskannya dari penyakit (menyembuhkannya). Di dalam ilmu fiqh ia bererti hal membebaskan beban

orang lain dari tanggungjawab membayar hutangnya. Di dalam Majalah Ahkam Johor ia digunakan pada makna yang sama seperti di dalam petikannya :

تیاد تر هنٽي ابراء ایت اتس دنريما (قبول) نتافي بوله دكمباليكن کران افبیل
ملفسکن (ابراء) سئورخ اکن سئورخ لاین مک تیاد دشرطکن دنريما او له
اور غیغ دلفسکن ایت
(1913:291)

- 2) *اتفاق* - istilah ini banyak ditemui dalam ilmu fiqh yang bererti kesepakatan ulama' dalam menentukan sesuatu hukum. Di dalam *Mu'jam al-Wasit* ia bermaksud mempersestujui seorang akan pandangan seorang yang lain dan berdekatan pendapatnya (1985:1089). Di dalam kitab kajian istilah ini ditemui dalam petikannya :

بهواسن دڻن ڦرسٽوجوان دان اتفاق فکاوي ۲ ڀغٽراونام باکي جباتن اڪام
دان پغبرکنائڻ دان ستله دصحڪن ترجمهن مک... (1913: pengenalan)

Maka di sini istilah ini bermaksud persetujuan sebagaimana makna asalnya dalam bahasa Arab.

- 3) *إجارة* - di dalam *Mu'jam al-Wasit* ia bererti sewa atau upah di mana ia merupakan satu bentuk perjanjian antara dua pihak yang mendapat manfaat dengan sesuatu ganjaran (1985:7). Antara potongan ayat yang dipetik dari kitab kajian ialah :

دشرطکن قد عقد اجاره ایت اهلی دوا اور غیغ بر عقد ایت یعنی کادان

کدواث ایت بر عقل دان ممیز (1913:71)

- di sini ia diertikan sebagai sewa.

4) اجتہاد - berasal dari perkataan اجتہاد yang bermaksud berusaha. Di dalam istilah fiqh ia bermaksud satu usaha yang dilakukan oleh para ahli fiqh untuk menetapkan suatu hukum syar'i yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh (1994:117). Ia merupakan salah satu sumber perundangan yang penting selepas al-Quran dan al-Sunnah. Tiada perbezaan makna yang berlaku dalam kitab kajian di mana ia menyebutkan :

تیاد دهار و سکن اجتہاد قد فرکارا یعاد نص یغتراءخ . (1913:77:4)

5) اقرار - bermaksud pengakuan yang dibuat oleh seseorang bagi menyatakan sesuatu perkara atau di dalam apa-apa bentuk dakwaan yang dibuat olehnya (1985:752). Pengakuan tersebut ditambah dengan keterangan yang kuat bagi membuktikan kebenaran sesuatu pengakuan yang dibuat.. Makna ini bagi istilah اقرار tidak menjelaskan maksud ayat di dalam penerangan pengarang di mana petikannya menyebutkan :

تیاد صح اقرار او رغ سفیہ یغدنکه مختارکن ای اد برهوتغ کفڈ او رغ

لاین... (1913:171)

6) إكراه - istilah ini berasal dari perkataan أكره, iaitu memaksa dengan kuat tanpa keredaan sebelah pihak yang lain. Di dalam ilmu fiqh ia termasuk dalam satu bab khusus dalam bab muamalat dan ia digunakan secara langsung dalam bahasa Melayu di dalam kitab kajian. Antara petikan ayat yang menggunakananya:

كتهويله بهو اسان مفهوم دالم باب إكراه دان غصب دان مروسكن تراتور اتس

.٨٩ بيلاغن (1913:13)

7) امانه - tiada perbezaan makna bagi istilah ini dalam kedua-dua bahasa di mana ia memberikan makna jujur dan setia (1985:28). Jujur juga bermaksud sifat kepercayaan yang ada dalam diri yang dipercayai oleh orang lain. Seperti dalam petikannya :

... نسجاي جاديله بارث ايـت امانه دالم تاـعن فنجوال ... (1913:46)

8) إيجاب - istilah ini berasal daripada perkataan أجاب yang bermaksud menyahut panggilan atau menjawab (1985:150). Di dalam istilah fiqh pula ialah memberikan tawaran atas sesuatu untuk diterimanya, contohnya di dalam jual-beli tawaran menjual sesuatu barang kepada calon pembeli (1994:114). Istilah ini tidak dapat diterjemahkan kepada bahasa Melayu secara khusus dan ia digunakan terus sehingga ke hari ini dalam ilmu fiqh sebagaimana dalam kitab kajian ditulis seperti :

جوالبی یغدصح دان ترفاکی ایت دخن ایحاب دان قبول . (1913:20)

- 9) بضاعت - kalimah asalnya ditulis sebagai (**بضاعة**) yang bermaksud apa-apa yang diniagakan dan apa yang difahami ialah barang-barang perniagaan (1985:62). Istilah ini ditemui dalam bab syarikah harta dalam makna yang difahami seperti dalam bahasa asalnya, iaitu :

... مک جادیله مودال بع لاین ایت دالم تاغنٹ فد حکم **بضاعت**

(1913:249) هرت بندا ایت .

- 10) باطل / بطل - maksud asal istilah ini ialah ialah rosak atau hilang dan dikembangkan dalam ilmu fiqh dengan maksud yang tidak memenuhi hukum yang ditetapkan dan sekiranya bersangkutan dengan perkara yang wajib hendaklah ia diulang (1985: 63). Manakala باطل pula ialah seseorang atau sesuatu yang salah, yang rosak atau yang palsu atau yang terkeluar dari garis kebenaran (1985:63). Tiada perbezaan makna dengan penggunaannya dalam kitab kajian sebagai contoh :

(1913:282) بطل وكاله سبب کیلا موکل اتو وکیلن.

مپورہ ممرنٹہ هرت فد میلیک اور غلائیں ایت باطل (1913:13)

- 11) بالغ - bermaksud peringkat matang perkembangan manusia dengan ukuran yang telah ditetapkan oleh syara' (1985:72). Istilah ini juga turut diserap dalam penggunaan bahasa Melayu. Antara petikannya dalam kitab kajian ialah:

دشرطکن قد صح تغکوڠن ایت کادأن يغ منغکوڠ ایت

(1913:102) بر عقل دان بالغ.

12 بُرهَان - bُرهَان yang bermaksud mendatangkan
dalil. Dengan itu بُرهَان bererti dalil dan keterangan untuk menerangkan
sesuatu. Tiada perbezaan makna ini pada penggunaannya dalam kitab kajian
seperti ayat berikut :

(1913:11) يغ ثابت دعن بيرهان او دليل ایت سفرت ثابت دعن فنداغن.

13 بَيْتُ الْمَالِ - baitul mal gabungan istilah rumah dan harta ini bermaksud tempat
pengumpulan harta bagi sebuah organisasi yang mengawal pentadbiran Islam di
dalam sesebuah negara. Pada zaman dahulu sumber kewangan Islam meliputi
zakat, ghanimah (غَنِيمَةٌ) (rampasan perang), jizyah (جِزْيَةٌ) (wang perlindungan)
bagi orang kafir dzimmi, kharaj (خَرَاجٌ) (cukai bagi bukan Islam yang berniaga di
negara Islam) dan fai' (فَيْءٌ) (rampasan dari orang kafir tanpa pertempuran)
(1994:36). *Baitulmal* ialah badan yang menguruskan sumber-sumber ini sebagai
pendapatan negara dan untuk diagih-agihkan kepada yang memerlukan. Pada
zaman ini urusan di *baitulmal* meliputi urusan yang melibatkan harta dan
kewangan di sisi syara` antaranya zakat, harta pusaka dan waqaf. Dengan ini
tiada perbezaan makna bagi istilah ini baik pada zaman dahulu mahupun
sekarang di dalam bahasa sumber atau bahasa Melayu yang kita gunakan seperti:

مک هرت واقف دان بیت المآل ایت حکمن سُرٰت حکم هرت انق یاتیم.(1913:57)

14) بَيْنَهُ - بَيْنَهُ - بَيْنَهُ yang bererti nyata terang dan jelas (1985:82). Manakala dalam istilah fiqh memberi erti keterangan dan hujjah yang nyata bagi menguatkan dakwaan yang dibuat. Makna ini turut digunakan dalam kitab kajian seperti dalam petikan ini :

تیف ۲ درقد کواث مندعا اکن کودا ایت هرتاننسچای دمنعکن

(1913:342) بینه تاغن بیغ ممکن ایت.

15) تأویل - أَوْلَى istilah ini berasal dari *fi'l* أَوْلَى bererti mengembalikan sesuatu perkara kepada asalnya. Dan jika digunakan pada percakapan ertinya menafsirkan dan menerangkan ayat dan kalam sehingga sampai kepada maksud yang dikehendaki. Daripada sinilah kita menjumpai istilah تأویل yang bermaksud pentafsiran mengenai sesuatu yang menuju ke arah kebaikan (1985:34). Antara contoh yang ditemui dalam kitab kajian ialah :

تیاد لازم مغکنی منفعت فڈ هرت بیغ دقاکی دغۇن تأویل میلیک(1913:96)

16) تحکیم - تَحْكِيم keempat-empat istilah berikut ialah terbitan dari asal yang satu iaitu daripada حکم - حَكْم - حکم - حَكْم (1985:197) bermaksud menghukumkan sesuatu perkara.
- حاکم - *ism fa'il* iaitu orang yang menetapkan sesuatu hukum atau yang menghukumkan

- **حُكْم** – pula bermaksud sesuatu hukuman atau keputusan mengenai sesuatu
- **مَحْكَمَة** - dari bentuk *ism makan*, iaitu tempat untuk menentukan sesuatu hukuman dan perlaksanaan undang-undang.

Istilah-istilah ini biasa ditemui dalam ilmu fiqh dan telah digunakan secara langsung dalam bahasa Melayu dengan mengekalkan bentuk dan makna. Cuma sedikit perbezaan, iaitu pada sebutan istilah **حُكْم** yang disebut Melayunya sebagai */hukum/* dengan mengekalkan ejaan asal. Seperkara lagi ia sebenarnya dalam bentuk kata nama terbitan (إِسْمُ مَصْدَرٍ) tetapi dalam bahasa Melayu ia turut berfungsi sebagai kata kerja (lihat kajian ini, bab dua : 81) Sebagai contoh :

قد مِنْتَكُنْ سَكْل حُكْم تَعْكُوْغْ ملْعَكَافِي اتس تِيكْ فُصل . (1913:103).

dan

جَكْلُو بِرَكَات سَنُورْغْ اكُو منْغَكُوْغْ مِبَايِر اث جُوا سُسُواه يَعْ

دَحْكَمَكَن دَغْنَدِي اتس قُلَان ... (1913:104)

- 17) **تَرْكَه** - istilah ini berasal daripada perkataan **تَرَك** (yang sebenarnya ditulis sebagai **تَرَكَة**) bermaksud apa-apa yang ditinggalkan oleh si mati dari peninggalannya (1913:88). Ia dipinjam dalam kitab kajian dalam maksud yang sama dan antara petikannya ialah :

... دَانْ كَمَدِين درْفَدْ مَاتِيْن تِياد بُولَه قَكَاوِي قَرْجَبَاتَنْ فَسَاكْ مَعْكَعَكَوْ

(1913:150) . اكْن هَرْت تَرْكَه ايت .

di sini ia bermaksud sebagai harta peninggalan.

18) تَصْرِفُ - istilah ini ialah *ism masdar* bagi *fi'l* تَصْرِفَ yang bererti usaha untuk melakukan sesuatu (1985:533). Di dalam Kamus Istilah Fiqh ada diterangkan تَصْرِفُ mempunyai dua jenis, iaitu تَصْرِفُ قول dan تَصْرِفُ فعلی . Pertama, usaha yang dilakukan dengan tenaga badan seperti merampas, merosakkan harta orang lain, menerima barang yang dibeli dan sebagainya. Kedua, sesuatu yang diungkap dengan perkataan samada melibatkan akad atau pun tidak seperti jual beli, sewa menyewa, perkongsian, sumpah dan sebagainya (1994:373). Dengan melihat kepada istilah yang ditemui dan digunakan dalam kitab lama itu, maksud istilah adalah sama dengan pengertian yang dibawa seperti:

جِيك بِرْفَنْجَاڭن ساڭىتىن ايت اتس حالىن ھەنگىز لېه درۇد ستابەن نىچاى
دەكىمەن سەۋە ئورۇغ بايڭ دان صىخت دان جادىلە تىصرىف ايت سەفترت
تصريف اورغ صىخت.... (1913:299)

19) تَعْلِيقُ - istilah ini berasal daripada perkataan عَلْقَ yang bererti menggantung (1985:645). Ia juga digunakan dalam percakapan yang bermaksud menggantung sesuatu maksud dengan ucapan tertentu. Di dalam ilmu fiqh ia banyak dijumpai dalam bab muamalat dan munakahat. Sebagai contoh ungkapan seorang suami “engkau tertalak kalau meninggalkan puasa” maka jika isteri berbuat demikian gugur talak terhadap isteri. Maksud تَعْلِيقُ ini samalah seperti yang digunakan dalam kitab kajian dan ia tidak terhad pada ta'lik nikah semata-mata seperti contoh berikut :

سسوات يغ دجنجيكن دغун تعليق (فركتونوغن) اية نسجاي جاديله اي لازم(1913:12)

- 20) تقاوت - istilah yang bermaksud berlainan atau bersalahan ini berasal daripada perkataan فَوْتٌ - فَوَّتَ - يُفُوتُ yang bererti telah lalu ,luput atau melampau (1985:731). Maka تقاوت bermaksud sifat yang berlainan antara kedua perkara contohnya seperti yang terdapat dalam kitab kajian :

سوات يغ بربلاع يعتياد برسمان ايت اداله هرك ساتو ٢ نتقاوت قد هركان
مك سكلينن ايت دنقصير دغون هرك . (1913:18)

yang bermaksud berlainan pada harganya.

- 21) تقصیر - istilah yang berasal dari perkataan قَصَرْ ini asal maknanya ialah kurang, sedikit dan memadai. Pada makna yang lain ialah mendekatkan dan mengurangkan seperti تقصیر pada solat fardu, iaitu mengurangkan jumlah rakaat pada waktu tertentu mengikut lunas yang ditetapkan oleh syara' (1985:767). Antara yang dijumpai dalam kitab kajian ialah :

سوات يغ بربلاع يعتياد برسمان ايت اداله هرك ساتو ٢ نتقاوت
قد هركان مك سكلينن ايت دنقصير دغون هرك . (1913:18)

Di sini ia memberi erti harga yang berbilang dan berlainan itu diringkaskan dan dipilih satu sahaja harga yang sesuai supaya tidak lagi bersalahan antara satu sama lain.

22) تناقض - berasal dari perkataan perkataan نَقْض yang ertiannya bersalah-salah antara satu sama lain. Daripada *fi'l* ini terbitlah perkataan التناقض yang membawa maksud saling bantah-membantah dan salah menyalah antara satu sama lain (1985:983). Makna ini jugalah yang dapat difahami daripada petikannya di dalam kitab kajian :

تیاد حجه دغۇن تناقض (برلاون) تىافي تىدق منچىراكن حكم حاكم... (1913:11)

23) ثابت - asalnya ialah ثبت iaitu yang bermaksud صَحَّ and حَقٌّ . ثابت bermakna membenarkan atau mensahihkan. Ia juga memberi erti menetapkan sesuatu. ثابت juga bermaksud sesuatu yang tetap. Makna ini juga digunakan dalam kitab kajian di mana antara petikannya menyebutkan :

ایجاب ایت فرکتان یغۇرتم تربىت درف ساله سورخ درف دوا اوغرىغى

بر عقد كران هندق منجادىكىن بر قىيىنە مىلىك دان دغىندي دوا جىكىن سره ثابت

بر قىيىنە مىلىك . (1913:15)

24) جنایت - memberi erti perbuatan dosa yang dihukum ke atasnya. (1985:146). Di dalam istilah fiqh ia bermaksud perbuatan yang dilarang oleh syara` (1994:141). Walau bagaimanapun di dalam kitab kajian ia diertikan sebagai semua bentuk kesalahan termasuk yang bukan di sisi syara` di mana dalam petikannya disebutkan :

(1913:162)

مېتاكن حنابـت درـقـد سـكـل بنـاتـغـ

- Di sini ia tidak bermaksud sebagaimana yang telah disebutkan memandangkan kesalahan binatang tidak dihukumkan di sisi syara`.

25) حـجـه - istilah ini mempunyai beberapa makna yang berbeza. Dari segi ilmu hadith ialah seorang yang menguasai tiga ratus ribu hadith lengkap dengan *matan* dan *sanad* serta sejarah *rawinya*. Dalam makna yang lain pula ia bererti dalil dan keterangan dan di dalam jual beli ia bererti surat pengakuan jual-beli (1985:163). Melihat kepada kitab kajian ia menggunakan makna kedua, iaitu sebagai keterangan dan dalil mengenai sesuatu. Antara petikan yang menggunakan istilah ini ialah :

بـيـنـه ١٦٧٦ اـيـت حـجـه يـغـ مـلـمـقـوـي فـدـ يـغـلـاـينـ دـانـ اـقـرـارـ اـيـت

(1913:11)

حجـه يـغـ تـيـادـ مـلـمـقـوـي ..

26) حـرـام - salah satu daripada hukum syara` yang lima yang bermaksud sesuatu yang dilarang perbuatannya (1985:175). Istilah ini telah sebatи dalam bahasa Melayu sejak awal perkembangan ilmu fiqh. Antara lain petikannya menyebutkan :

امـفـانـ كالـوـ مـمـبـنـوـهـ سـئـورـغـ اـكـنـ وـارـيـشـ نـسـجـايـ دـحـرـامـكـنـ اـيـ

(1913:14)

درـقـدـ منـدـاقـتـ فـساـكـ .

27) حق - istilah ini pada asal maknanya ialah benar, pasti dan betul. Ia juga diertikan sebagai kewajipan dan meliputi perkara-perkara yang wajib dikerjakan (di mana kata jama` baginya ialah حقوق). Dengan ini ia diertikan sebagai kepastian mengenai sesuatu perkara dan apa-apa yang benar dan wajib ada baginya seperti yang ditemui dalam kitab kajian antaranya :

فَدْ مِيْتاكِنْ حُقْ شَرِيكَه عَنَانْ تِرْكِنْدوْغُ اَنْسْ تِيْكَ مِبَاحَثْ. (1913:248)

28) حقیقت - *حَقِيقَة* di dalam *Mujam al-Wasit* istilah ini bererti ketetapan sesuatu perkara yang diyakini (1985:195). Istilah ini dipinjam berserta maksudnya yang hampir tepat seperti contoh :

بر جولبلی ایت دکھنکی کادأن دان حَقِيقَةن یايت عبارت در فد بر توکر
هرت دغۇن هرت ...
(1913:18)

di sini ia bermaksud ketetapan jual beli dan kebenarannya.

29) حواله - terdapat beberapa makna yang berbeza bagi istilah ini :

- 1- memindahkan air dari sungai ke sungai
- 2- persaksian
- 3- jaminan
- 4- surat pernyataan penukaran harta dari satu bentuk kepada bentuk yang lain. (1985:216)

Penggunaannya di dalam kitab kajian terhad kepada makna penukaran dalam masalah jual beli dan antara petikannya ialah :

...مك هاروس هرك بلينث ايت دحوالهكن كف تمف اي برهوتغ (1913:39)

iaitu ditukarkan kepada tempat ia berhutang.

30) حیض - bermaksud pusingan kesuburan bagi wanita di mana keluar daripada rahimnya darah pada hari-hari tertentu setiap bulan.(1985:219). Istilah ini telah sebatи dalam bahasa Melayu dan ia disebut sebagai darah haid. Antara petikan yang terdapat dalam kitab kajian ialah :

ثابته فرهنگان بالغ اي دغون ممفي سرة كلوار مني دان بونتيغ دان ممبنتيغكن

دان حیض اتو سمفي عمر ليم بلس تاهون. (1913:170)

31) ختان - asal istilah ini ialah ختن yang ertinya berkahwin (1985:226). Dan ia juga bererti memotong hujung kemaluan kanak-kanak Islam (ختن الصبي ختنه : قطع فلقنه). Dalam bahasa Melayu upacara itu disebut sebagai bersunat. Maka dalam kitab kajian ia menggunakan makna yang kedua dan digunakan terus dalam ayat seperti dalam petikan di bawah:

هديه يغدري قد فكر جان ختان دان فعننتين جاديله اي مملياك كف

(1913:150) ... نام يعبر ختن

32) خيار - iaitu kata nama terbitan untuk memilih salah satu daripada dua perkara (1985:273). Di dalam bab muamalat ia adalah hak memilih antara

pembeli dan penjual samada hendak meneruskan akad jual beli tersebut atau pun tidak. Antara petikannya dalam kitab kajian ialah :

افبیل ماتی ڦمبلي یغ باکڻن خیار دُغُن خیار هرڪ ڦ فرتغاهن ماس خیار

(1913:49) نسچایي بطل جوالبلي ايت.

33 دعا - دعوا Istilah yang berasal dari perkataan **دعا** ini dalam ilmu fiqh bermaksud penuntutan hak melalui pihak berwajib (peradilan) terhadap seseorang atau untuk menolak sesuatu tuntutan tentang haknya sendiri (1994 55).

افبیل ماتی اور غیغ منیقو.....تیاد بوله دفنهن

(1913:58) دعویٰ تیهو ایت کڻد واریئن.

34 دلایل dan دلله kedua-dua istilah **دلیل** ini berasal dari maksud perkataan **الإِرْشَاد** - **مُرْشِدٌ** - **أَرْشَدٌ** yang bermaksud petunjuk. Keduanya digunakan dalam makna yang sama di dalam kitab kajian, iaitu :

جیک ای ٿله دوکیلکن دُغُن بر جوال ٿونی دُغُن فرکتان یغ تراڳ انو

(1913:276) ... دُغُن دلله ...

Di sini ia bermaksud petunjuk .

- دلیل pula ialah sesuatu yang didatangkan untuk menunjukkan sesuatu yang lain. Ia juga bererti bukti untuk menerangkan sesuatu seperti :

يغ ثابت دعن برهان او دليل ايت سفرت ثابت دعن فداغن.(1913:11)

35) ديت - istilah ini sepatutnya ditulis sebagai (دیت). Ia diertikan sebagai sejumlah harta yang perlu dibayar kepada wali si mati sebagai ganti daripada dirinya (1985:1063). Makna inilah juga yang digunakan di dalam kitab kajian seperti ayat berikut :

... تنافي صح منغقول ايمبوه كروكين دان ديت يغدلازمن كفديغ

ملوك دان يغ ممبونه . (1913:103)

36) ذات - istilah ini mempunyai beberapa makna mengikut penggunaannya. Ia bererti hakikat sesuatu perkara dan pada makna yang lain ia bererti diri dan jiwa manusia dan juga sifat dalaman yang tersembunyi (1985:319). Pada ayat di bawah ini ia mengambil makna yang pertama, iaitu hakikat berjual beli dan keadaannya :

جوالبلي يغ صح ايت جوالبلي يغ هاروس يأيت جوالبلي يغ برلاكو فـ

ذات دان صيفة. (1913:15)

37) رجع (رجوع) - رجع - dijumpai dalam dua ejaan dalam kitab kajian pertama dengan huruf (ر) dan kedua tanpa huruf (ج). Namun keduanya dibunyikan dengan sebutan yang sama, iaitu /ruju'/ . Istilah ini berasal dari perkataan رجع yang bererti kembali atau pulang (1985:343). Di dalam ilmu fiqh ia adalah satu istilah khusus kembalinya suami kepada isteri dalam hubungan nikah setelah

berlakunya talak dalam masa 'iddah. Walau bagaimanapun penggunaan peminjamannya semakin meluas hingga terbitlah terbitan lain seperti rujukan, merujuk, dirujuk dan sebagainya. Begitu juga dengan yang berlaku dalam kitab kajian seperti dalam ayat ini :

جِبَكْ رَجَعَ اولَه سَالَه سَنُورُخْ دَرْقَدْ دَوَا ارْغَرُخْ بِرْ جَوَالْبَلِي ...
(1913:25)

yang bermaksud jika kembali salah seorang daripadanya.

38) **رخصة** - bererti keringanan dan kelonggaran yang dipermudahkan dalam sesuatu perkara (1985:348). Di dalam bahasa Arab kebenaran untuk menggunakan sesuatu yang diputuskan oleh kerajaan seperti lesen turut dipanggil **رخصة**. Dari segi syara' ia diertikan sebagai hukum keringanan yang disyari'atkan oleh Allah s.w.t.dalam keadaan tertentu dengan adanya dalil yang membolehkannya (1994:300). Di sini ia mengambil maksud kebenaran dan keizinan seperti dalam petikannya:

كَهاروسن (الإباحة) أية سبوت ممبري **رخصة** (كينران) دان اذن...(1913:144)

39) **روكن** - istilah yang berasal dari **رَكِنٌ** ini asal ertinya ialah menetapkan atau membangunkan sesuatu (1985:384). Dan **الرُّكْنُ** ialah salah satu bahagian yang menguatkan sesuatu atau sebahagian daripada bahagian utama sesuatu perkara. Jadi ia adalah satu asas yang penting yang tidak boleh tidak kewujudannya bagi sesuatu hukum atau perkara. Tiada perbezaan makna dengan penggunaannya dalam kitab kajian seperti petikannya :

روکن شریکه عقد ایت ایجاب دان قبول فذ لفظ اتو فذ معنا . (1913:240)

40) ریضا - diertikan sebagai persetujuan dan keredaan yang lahir dari hati.

Istilah ini walau bagaimanapun telah sebatи dalam penggunaan bahasa Melayu dan digunakan secara langsung. Namun ia mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam Islam dalam maksud reda menerima *qada'* dan *qadar* yang ditentukan Allah s.w.t. . Dalam ilmu *tasawwuf* ia adalah kedudukan atau tingkatan *batiniyah* yang harus dilalui oleh seorang ahli *sufi* dalam mendekatkan dirinya kepada Allah (1994:296). Antara petikan ayat yang mengandungi istilah ini ialah :

بار خسیاف منطالقکن استریث دالم ماس ساکیت یغ همپیر ماتین دغون

(1913:14) تیاد دریضا...

41) سباب - سبب berasal daripada erti asal istilah ini ialah tali atau hubungan dan setiap suatu yang sampai dengannya kepada yang lainnya. Dari segi syara' apa-apa yang dipegang oleh mahkamah daripada dalil-dalil yang pasti dan hujjah-hujjah yang membawa kepada sesuatu hukum itu (1985:427). Manakala سباب pula ialah kata terbitannya dari jenis *ism fa'il*, iaitu orang yang menyebabkan sesuatu itu berlaku seperti dalam petikannya :

افبیل بر هیمقون دوا فرکارا یایة یغ معنای اتو یغ ممبوات دغون یغ

مسابیکن نسجای دسندرکن حکم کفڈ یغ معنای . (1913:13)

42) سفیہ - berasal daripada perkataan **سُفَهٌ** yang ertiannya kurang akal, ingatan serta bodoh. Dan **السفیہ** ialah satu istilah dalam masalah fiqh yang melibatkan mereka yang tidak pandai membelanjakan hartanya dengan baik. Mereka juga berbelanja dengan boros dan membazirkan harta pada yang tidak sepatutnya (1985:451). Di dalam kitab kajian pengarang menggunakan istilah ini pada makna yang sama seperti contoh berikut :

تیاد صح اقرار اور غ سفیہ یغدنکه مختاکن اي اد برهونغ کفڈ اور غ لاین ..

(1913:171).

43) سلم - asal makna istilah ini selamat dan sejahtera. Jika **سلام** pula mempunyai makna yang sama ditambah lagi dengan keamanan dan perdamaian serta menjadi istilah ucap selamat untuk sesama Islam. **سلام** mempunyai beberapa makna lain seperti tahanan bukan dari perang dan sebuah pokok yang boleh dibuat samak kulit binatang dengannya (1985:463). Di dalam ilmu fiqh ia menjadi istilah khusus dalam bab muamalat di mana ia disifatkan sebagai menjual barang yang tidak dilihat cuma digambarkan oleh penjual sifat-sifatnya. Ia juga dipanggil belian secara tempahan. Tiada perbezaan makna jika penggunaannya dalam bab jual beli seperti dalam petikan ini :

بندا ۲ یغدوال تربھاکی کفڈ امفت بھاکنی : فرتم جوالبلي هرت بنداد غن

هر ک مک اینلہ جوالبلي بیغ مشهور دنمکن سمات ۲ جوالبلي کدوا صرف

کتنک مقابضہ کامفت سلم .

(1913:16)

44) شبهه - شبهه^{شَبَهَهُ} istilah ini berasal daripada perkataan **شَبَهَهُ** iaitu bererti menyerupai kemudian **شَبَهَهُ** memberi erti kesamaran dan keraguan di dalam sesuatu perkara. Di sisi syara` ia diertikan sebagai sesuatu yang diragukan padanya samada halal atupun haram dan samada ia suatu yang hak ataupun batil (1985:498). Istilah ini turut ditemui dalam kitab kajian seperti berikut:

تِياد بوله دعملکن دغۇن تولىسىن دان چەپ سەھاج تىتافى جىك ادالە تولىسىن دان
چەپ لىت سەھەترا درەند شىبەه يېغ دوستا دان كلىرو نىچاى.....(1913:337)

iaitu sejahtera daripada keraguan yang mendustakan

45) شرط - istilah ini juga telah digunakan dengan meluas dalam bahasa Melayu namun ia mempunyai kedudukan yang penting dalam masalah fiqh. Ia merupakan asas atau sesuatu yang diletakkan untuk melancarkan perjalanan perniagaan atau sebagainya dan di dalam ilmu fiqh, sesuatu yang tidak akan sempurna kecuali dengannya (1985:498). Antara petikannya dalam kitab kajian ialah :

دشەرتەكن دالىم شەرىكە مضاپىبة لىت سەقەرە شەرىكە عەقىد پايت كادان
(1913:258) مودال لىت معلوم ...

46) شرع - شرعيه^{الشَّرْعِيَّةُ} istilah ini tiada beza dengan **الشَّرْعِيَّةُ**, iaitu apa-apa yang ditetapkan oleh Allah daripada kaedah *fiqhiah* dan hukum-hakam. Ia juga adalah

cara dan ketentuan perjalanan bagi seorang Islam yang mesti dilalui (1985:506).

Ia turut dijumpai di dalam kitab kajian seperti berikut :

ادفون لام يغ مپلاهي باکي شرع مك تیاله دفاکي اکن دي يعني افیل ساله
سسوات ایت دفویوانت دان دلاکوکن يغ تیاد دغون جالن شرعی قد اصلن.

(1913:220)

47) (شُفْعَةٌ) - شفت ialah satu istilah fiqh yang bermaksud seseorang mengambil haknya semula yang dikongsi dengan orang lain secara paksaan (1985:506). Ini berlaku di mana rakan kongsinya telah menjual bahagian perkongsian mereka yang tidak dipisahkan itu tanpa keizinannya (1994:349).

- شَفِيعٍ - pula ialah orang yang mengambil haknya semula secara paksaan itu tadi.

...تیبا ۲ ممیلیک سورخ لاين اکن تانه یغدووال ایت دغون جالن شفعت نسچای

(1913:40) ... باکي شفیع دافت مغمبل سکلین تانه ایت ...

48) (شَرِيكَه) - شریکه ertinya perkongsian dan percampuran antara dua pihak dan ia merupakan istilah fiqh yang telah gunakan secara langsung dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh di dalam ayat :

(1913:240) روکن شریکه عقد ایت ایجاد دان قبول قد لفظ اتو قد معنا.

Istilah ini dipinjam beserta dengan jenis-jenisnya iaitu :

- شریکه ابدان - kerja sama antara dua pihak untuk melakukan sesuatu yang mana hasilnya dibahagi antara mereka menurut perjanjian.
- شریکه اموال - kerjasama yang melibatkan modal yang terdiri daripada harta dan kadar yang ditentukan dan hasilnya dibahagi antara mereka.
- شریکه أعمال - kerjasama untuk melakukan pekerjaan bersama-sama dengan pembahagian hasilnya dibahagi sama rata mengikut perjanjian.
- شریکه مفاؤضه - kerjasama antara dua pihak dengan syarat sama jumlah modal dan agama dan masing-masing berhak bertindak atas nama syarikat.
- شریکه عنان - perjanjian antara dua pihak pada harta yang ditentukan dengan maksud untuk mendapat keuntungan .
- شریکه وجوه - kerjasama tanpa modal duit tetapi hanya berdasarkan kepercayaan yang mengusahakannya dengan perjanjian dan hasilnya dibahagi antara mereka sesuai dengan bahagian masing-masing.
- شریکه مضاربه - modal dikeluarkan oleh satu pihak manakala satu pihak yang lain mengusahakannya dan hasilnya akan dibahagi sama rata.

Di antara contoh-contoh ayat yang mengandungi istilah شریکه adalah seperti berikut :

- شریکه مفاؤضه ایت مغندو غی کفاله قول . (1913:241).

- قد مپتاکن حق شریکه عنان تر کندو غ اتس نیک مباحث . (1913:248).

- مک تر فول گله کفدان سکال کانتو غن دالم شریکه مضاربه بیغ چاسد

- دان اور غیغ جادی مضارب ایت منفاتی معمبل اوفہ بولہ دافت اوفہ بیاس

(اجرة المثل)...(1913:261)

- 49) **صح** - ertinya bersih dan bebas daripada kecacatan dan keraguan. Ia juga bererti tetap dan kukuh. Manakala di dalam ilmu fiqh keadaan perbuatan yang betul di sisi syara` dari segi ibadat dan ia menjadi sebab sesuatu yang diterima syara` di dalam bab muamalat (1985:527). Antara petikannya di dalam kitab kajian ialah :

برجوال دُغْن برجنجي مك دُغْن تجوان عقد ایت دحکمکن **صح**. (1913:25).

- 50) **صدقه** - berasal daripada perkataan صدقَ bererti betul dan benar. Manakala صدقه pula ialah apa-apa yang diberikan kepada orang lain dalam konteks mendekatkan diri kepada Allah. Ia telah digunakan dengan meluas dalam bahasa Melayu dan tiada perbezaan makna dengan penggunaannya dalam kitab kajian seperti berikut :

مغيريمكن دان منريما قد هبه دان **صدقه** منفاتي دتمفت ايجاب دان قبول. (1913:145).

- 51) **صلح** - ertinya elok dan hilang daripadanya kefasadan. Dan **الصلح** menjadi satu istilah yang bermaksud menghapuskan permusuhan dan membawa kepada perdamaian (1985:539). Ia dipinjam dalam makna yang sama seperti ayat berikut:

جیک ممبوات صلح والی کانق ۲ درف دعوا نسچای صحله جیک پات تیاد اد

(1913:284)

مضرت يغ يات...

- مصلحت - istilah ini juga berasal dari asal *fi'l* yang sama dan ia memberi makna keadaan yang mendatangkan manfaat dan kebaikan. Tiada perbezaan makna antara bahasa sumber dengan peminjamannya dalam kitab kajian seperti berikut :

يغكتاكن ساكت ممباوا ماتي ايٽ يأيت ساكت يغ ملمهكن او رغبيغ ساكت

(1913:299)

ايٽ درف مليهت سكان مصلحت.....

- 52) طلاق (طلاق) - طلاق ertinya melepaskan daripada ikatan dan sebagainya. Di dalam masalah fiqh ia bermaksud suami melepaskan ikatan nikah dengan isterinya maka terpisahlah dia samada diucapkan oleh suami secara terang ataupun tidak (1985:583). Istilah ini juga digunakan dengan meluas dalam bahasa Melayu seperti ayat berikut :

بارغسياف منطالفڪن استريث دالم ماس ساكت يغ همفير ماتينث دعن

(1913:14)

تیاد دریضان...

- 53) عبادت - istilah ini bermaksud peyembahan dan pengabdian. Pengabdian di sisi syara' ialah mengabdikan diri kepada Allah yang satu dengan melakukan perintahnya dan meninggalkan larangannya (1985:600) dan ia mempunyai suatu amalan khusus yang melibatkan amalan roh dan jasmani bersama seperti solat

puasa, zakat dan haji di samping menjaga kesucian diri untuk melaksanakan amalan tersebut . Makna ini jugalah yang dipinjam bersama di dalam kitab kajian seperti :

مك اداله مسئلنه فقه ايت ادکالان برکنتوغ دغۇن ۋەرگان اخىرە يائىت سەڭل

عِبَادَةٌ دَانْ ادکالان برکنتوغ دغۇن ۋەرگان دىنىا. (1913:1)

54) عذر - asal makna istilah ini ialah banyak dosa dan kecacatan yang berasal daripada perkataan عذر (1985:611) . Kemudian ia diertikan sebagai aral, rintangan dan halangan yang menghalang seseorang dari melakukan sesuatu di sisi syara', contohnya datang haid bagi perempuan yang menghalang solat fardu. Ia juga dipanggil عُزُرٌ شُرُعِيٰ , iaitu keuzuran dan halangan dari segi syara'.

Antara petikan yang menunjukkan maksud ini ialah:

جڭلو داتقۇغ عذر منكە باكى ملاكۆكى تىتتۈتن عقد ايت نسچاي

ترفسلە سېوان. (1913:71)

55) عروف - di dalam bahasa Arab disebut (العرف) juga dikenali sebagai (المعروف) yang bermaksud kebiasaan, iaitu apa-apa yang biasa dilakukan oleh manusia pada adat dan pergaulan mereka. Ia juga mempunyai makna lain yang bererti tempat yang tinggi atau puncak gunung yang kelihatan atau ombak lautan (1985:617). Di dalam kitab ini hanya terbatas pada makna yang pertama sahaja, iaitu adat dan kebiasaan manusia seperti berikut :

ادۇن كېۋىت يېغ مېيوا ماماكي رومە دان كدى ايت منورىلە كەد عروف

56) عقد - asal istilah ini ialah عقد عقد yang bererti berat dan keras dan jika digunakan pada tali ia membawa erti ikatan dan simpulan. Seterusnya العقد membawa maksud yang lebih tinggi, iaitu persambungan antara bngunan dan perjanjian yang dibuat oleh manusia. Ia lebih dikenali dalam masalah fiqh yang berhubung dengan persetujuan antara dua pihak untuk melaksanakan sesuatu yang disepakati seperti perjanjian untuk berjual beli atau ikatan perkahwinan (1985:736). Makna ini jugalah yang dipinjam bersama dalam kitab kajian seperti contohnya :

برجوال دغۇن بىرچىچى مك دغۇن تجوان عقد اىت دەھىمكىن صح. (1913:25)

57) عماره - istilah ini ertinya bangunan yang di dalamnya didiami oleh beberapa petempatan yang keadaannya bertingkat-tingkat. Asal fi`lnya ialah عمر iaitu kekal dan panjang umurnya. Ia juga bermaksud membina dan di sini makna yang digunakan ialah menduduki sesebuah bangunan dengan melakukan perkara-perkara yang baik (1985:650). Contohnya, menghidupkan masjid dengan melakukan perkara ibadah di dalamnya dengan sempurna tanpa meninggalkan satu waktu pun padanya dan menjauhi perkara-perkara yang tidak sopan di sana. Antara petikan ayatnya ialah :

مۇھىدۇقىن بومى اىت عبارت درف مۇھىمارەكىن دان منجادىكىن بومى اىت

بايك ۋاتوت كران بىركىون . (1913:183)

Di dalam petikan tersebut ia bermaksud menghidupkan tanah dengan tanaman dan menyuburkannya tanpa dibiarkan kosong begitu sahaja.

58) **عين** - istilah ini mempunyai berbagai makna mengikut penggunaan di dalam ayat. Di antara makna-maknanya ialah :

- alat penglihatan makhluk / mata
- mata air
- ahli atau rakyat sesebuah negara atau anggota rumah
- mata-mata atau pengintip
- zat sesuatu benda atau barang dan
- sejenis mata wang dinar

Kebanyakan istilah ini yang terdapat dalam masalah fiqh membawa maksud zat barang atau benda seperti dalam petikannya:

...مك توانن بوله ممليه سام اد منتا قولغكن **عين** رمقاسن ايت

(1913:154).....

iaitu barang rampasan itu.

59) **غصب** - ertiya mengambil dengan keras dan zalim, iaitu merampas sesuatu barang dengan kasar (1985:678). Makna ini juga diertikan dengan istilah yang digunakan seperti berikut :

كتهويله بهوا سان مفهوم دالم باب اکراه دان **غصب** دان مروسكن ترانتور

60) فَسَدْ - فاسد ertinya rosak, binasa atau busuk. Di dalam muamalat sekiranya melibatkan perjanjian ia dinamakan perjanjian yang terbatal dan tidak boleh diterima di sisi syara` (1985:713). Perkara-perkara yang fasid ialah yang bercampur aduk dengan kecacatan dan membawa kepada kebinasaan. Makna ini kekal selagi ia digunakan pada tempatnya lebih-lebih lagi dalam bab muamalat seperti dalam petikannya :

أَفْبَيلِ اد بَنْدَا ۲ يَعْدُجُوا لِإِيْتِ مَجْهُولِ اتُو جَدْرَا قَدْ هَرْكَانِ نَسْجَايِ جَادِيلِه

جوالبلی ایت فاسد. (1913:58)

61) فَسَقَ - فاسق istilah ini berasal dari perkataan فَسَقَ yang ertinya setiap yang mempunyai kulit atau yang keluar daripada kulitnya. Dari segi syara` ialah yang keluar dan melampaui had-had yang telah ditetapkan oleh syara` atau keluar dari mentaati agamanya (1985:714). Makna ini kekal dengan peminjaman istilahnya seperti dalam petikannya :

تَيَادَ بُولَهْ دَنْكَهْ أُورْعَ فَاسِقَ دَغْنَ سَمَاتْ ۲ سَبَبْ فَاسِقَنْ ... (1913:167)

62) فَرْضْ - فرض istilah ini biasa di kalangan orang Melayu bermakna wajib pada menunaikan waktu-waktu solat seperti fardu maghrib, fardu asar dan sebagainya. Sebenarnya ia tidaklah terhad di situ sahaja. Di samping perkara-perkara yang diwajibkan Allah ke atas mukallaf ia mempunyai makna lain seperti perisai,

potongan kayu cendana atau selainnya, mata panah yang belum dilepaskan dan pemberian rasmi dari kerajaan atau sebagainya (1985:708). Istilah ini lebih banyak digunakan pada makna setiap perkara yang wajib bagi seorang mukalaf dan terbahagi kepada dua, iaitu *fardu `ain* dan *fardu kifayah*. Antara petikan ayat yang mengandungi istilah ini ialah :

افبيل يېغ مناروھ هرت ایت غایب مک دېرچنکن اوله حاکم درقد واغ

(1913:136) نُفَقَهْ هَنْنَهْ وَتَارَهْ فَرْتَارَهْ

Di sini ertinya maka diwajibkan oleh hakim.

63) فَسْخٌ - istilah ini khas difahami oleh orang Melayu sebagai hal terputusnya ikatan suami isteri yang tidak melalui wasitah talak. Namun dalam bahasa Arab ia mempunyai makna yang lebih luas dan umum. Berasal dari perkataan فَسْخٌ - يُفْسِخُ mempunyai makna lemah atau jahil, merosakkan, memisahkan dan membatalkan (1985:713). Sebagai contoh :

جکلو داتغ عذر منکه باکی ملاکوکن تنتون عقد ایت نسحای

تدریس خلیه سیوان.

yang bererti terbatallah sewanya.

64) فَضْلٌ - berasal dari perkataan **فضَلٌ** yang ertinya di luar keperluan atau baki dari sesuatu yang tidak diperlukan atau tidak begitu penting berbanding dari yang lain. Pada syara` ia bermaksud mereka yang bukan wali, bukan yang

menyampaikan wasiat dan wakil yang ditentukan (1985:719). Manakala petikannya di dalam kitab kajian ialah:

جوالبلي فضولي ايت افبيل دولسكندي اوله يغ ڦون او وکيلن او وصين انوولين نسچاي برلاکوله جيڪ تېق ترفسخله اي... (1913:198)

yang bermaksud jual beli barang-barang yang di luar perjanjian syarikah.

65) **فقه** - berasal daripada perkataan **فقه** yang bererti faham dan mendalam dengan baik. Maka terbitlah **الفقه** yang bermaksud kefahaman yang tinggi dan menjadi istilah bagi satu bidang ilmu yang mendalam iku agama yang tinggi yang berkait rapat dengan syari`ah dan usuluddin (1985:724). Istilah ini telah diserap ke dalam bahasa Melayu sejak ia mula diperkenalkan berabad yang lampau. Antara petikannya dalam kitab kajian ialah :

قد مپاتاكن ببراف فركتان **فقه** يغبركتونغ دعن رمفس دان مروسكن (1913:151)

66) **قسمة القضاء** - asal istilah ini bermakna membahagi-bahagikan dan pembahagian (1985:762) . Dari segi syara` ia bermaksud pembahagian yang dilakukan oleh hakim dan mengikut pengadilan. Antara petikannya ialah :

قسمة القضاء ايت بوله برلاکو قد سقوتنغ بومي دان رومه ... (1913:201)

67) **قاعدۃ قاعیده**) - istilah ini juga telah digunakan dengan meluas dalam bahasa Melayu. Ia bermaksud asas atau pasak yang kukuh bagi sesuatu. Dalam makna yang lain ia adalah yang paling kukuh dalam keseluruhan perkara yang mengikat bahagian-bahagiannya yang lain (1985:777). Ia juga adalah perkataan lain bagi undang-undang dan tata cara yang mesti diikuti. Istilah ini biasa dijumpai dalam masalah fiqh kerana melibatkan perkara-perkara yang lazim sebagai pegangan umat Islam. Antara petikannya ialah :

... مک سبب این تیاد لازم بایران سیوان لیهت **قاعیده** بیلاخن ۸۰ . (1913:89)

68) **قياس** - istilah ini ertinya melihat sesuatu itu sebagaimana contohnya yang lain (1985:800). Ia menjadi salah satu hukum perundangan selepas al-Quran , hadith dan ijma'. Di sini ia bermaksud melihat perkara *furu'* kepada *usūl* dengan sebab-sebab yang dikongsi bersama seperti hukum pengharaman semua yang memabukkan melihat kepada haramnya arak dengan sebab pengharaman yang sama, iaitu sifatnya yang memabukkan. Antara contoh pinjaman istilah ini dalam kitab kajian ialah :

افبیل برجوال اور غیغ باکیش حق مینوم یغترنتو اکن کبونڈ سهاج.....

مک بولہلہ **دقیاسکن** فد جالن ۲ یغترنتو بکیمان این . (1913:177)

69) **قبول** - قبل - قبلة - قبلی - قبل yang ertinya berasal dari perkataan menerima, menjawab atau menyambut (1985:739). Di dalam masalah fiqh ia menjadi istilah khas pada jawapan penerimaan pihak kedua di dalam akad

tertentu terutamanya dalam bab nikah dan muamalat. Sebagai contoh petikan berikut :

روکن شریکه عقد ایت ایجاب دان قبول فد لفظ اتو قد معنا. (1913:240)

70) **قرینه** - istilah ini bererti hubungan dan ikatan antara sesuatu (1985:758). Ia menjadi perkara yang penting dalam bab pendakwaan. Istilah ini turut dipinjam dalam kitab kajian dalam (باب القضاء) sebagai contoh berikut:

سوات درقد سکل سبب حکم ایت یايت قرینه يغ فوتس. (1913:337)

71) **قصد** - asal makna perkataan ini ialah tegak dan lurus. Walau bagaimanapun ia lebih ke arah maksud hati atau tujuan (1985:766). Menurut M. Abdul Mujieb **قصد** ialah maksud dan kehendak di dalam hati yang tidak diikuti dengan tindakan berbanding dengan istilah **نية**, yang disusuli dengan tindakan (1994:274). Di dalam kitab kajian, pengarang menggunakan istilah **قصد** yang bermaksud niat mengikut fahaman makna kebiasaan orang tempatan tanpa mengambil kira susulan tindakan atau tidak seperti petikannya :

جیك ٿمبورو ایت ممبديل کران **قصد** هندق ممنجتن بناتغ ایت ... (1913:160)

72) **قصاص** - asal maknanya ialah memotong daripada asal perkataan dan pada makna yang lain mengikuti jejak dan kesan sesuatu sehingga ia membawa erti mengikuti kesan sejarah dan cerita sesuatu kaum. Manakala

قصاص pula ialah balasan kepada seseorang penjenayah yang sama seperti jenayah yang dibuatnya seperti hukuman jiwa dibalas jiwa, luka dibalas luka dan sebagainya (1985:768). Antara petikan yang meminjam istilah ini ialah :

تیاد بوله برلاکو مٹکننیکن قد سیقسا مک تیاد صح منگتوغ قصاص دان

سکلین سیقسا ۲.... (1913:103)

73) **فید** - istilah ini ertiannya ikatan yang pada asalnya tali yang diikat pada kaki binatang untuk dipegang dan ditarik dengannya. Di dalam masalah fiqh ia banyak digunakan yang membawa erti sesuatu ikatan yang menghubungkan dengan sesuatu yang lain seperti contoh ayat berikut :

افبیل دقیدکن وکاله ایت دغون سوات فید.... (1913:272)

- **مُقْبَد** - pula ialah *ism maf'ul* dari terbitannya yang bermaksud yang terikat dengan sesuatu contohnya :

تیاد بطل حواله يغ مُقْبَد.....افبیل بناس بندایغدجوال ایت دهولو

درف دسر هکن ... (1913:115)

74) **کفاله** - erti istilah ini ialah jaminan atau tanggungan di mana ia digunakan di dalam masalah fiqh dalam bab muamalat, iaitu akad yang mengandungi perjanjian dari seorang yang padanya ada hak yang wajib dipenuhi terhadap orang lain dan dia berkerjasama dengan orang lain dalam melaksanakan

tanggung jawab itu untuk menghadapi pemutang (1994:148). Makna ini jugalah yang dipinjam bersama istilahnya seperti berikut :

(1913:241) شریکه مفاؤضه ایت مغندو غی کفاله قول .

75) (کیف) مُصْدَرُ صِنَاعِیٍّ - کیفیت istilah ini ialah daripada perkataan manakala کیفیۃ الشیء ertiya keadaan dan sifat sesuatu (1985:840). Pada makna yang lain ia memberi erti cara untuk melaksanakan sesuatu sebagaimana dalam kitab kajian seperti berikut :

(1913:41) حقیقة سراه مپراه دان کیفیت .

76) لغایا - asal makna istilah ini ialah percakapan yang salah lagi batil atau bercakap yang sia-sia (1985:874). Dan makna ini terus kekal dipinjam dalam bahasa Melayu sebagaimana yang terdapat dalam kitab kajian iaitu :

...تله اکو جوال اکن این بارغ کفڈ اغکو دثون هرنک سراتس دوا فوله

ریشکیت دان قبول فمبلي نسچای لغایا له ایجاب یغ فرتام(1913:25)

77) مانع یَمْنَعُ - مَنْعَ iaitu halangan dan bantahan. pula ialah kata terbitan dari jenis *ism fa'il* yang bermaksud orang yang menghalang atau sesuatu yang menghalang (1985:924).

...دان باکنی حاکم ممفیخکن قمبرین ایت جیک تیاد اد دسان سانتو مانع در فد

78) **مَبَاحٍ** - istilah ini berasal dari perkataan **بَاحٍ** ertiya jelas dan nyata (1985:78). Ia juga menjadi istilah bagi salah satu hukum syari'ah di mana ia berhubung dengan perkara-perkara yang boleh dikerjakan dan boleh ditinggalkan. Maksudnya, ia mempunyai status yang sama, iaitu tidak mendapat pahala atau dosa seperti makan, minum, tidur dan sebagainya (1994:212). Ia juga disebut perkara-perkara yang harus. Antara contoh yang dijumpai dalam kitab kajian ialah :

... سُقْرَتْ إِيرْ بُولَهْ دَمِيلِيْكِيْ اُولَهْ سِيَافْ جَوَا دَغْنَ سَمَاتْ ۲ دَامِيلَ دَانَ دَتَارُوهْ
دَدَالَمْ تَمْفَتَنْ كَرَانْ دِيْ سَوَاتْ يَغْ مَبَاحٍ دَانَ بُوكَنْ اَصْلَ مَيلِيكْ سَئُورُغْ جَوَا. (1913:182)

79) **مَبَاحِثٌ** - istilah ini ialah kata ganda bagi perkataan **مَبَحَثٌ** yang ertiya masalah dalam bahagian-bahagian perbincangan yang telah dikelaskan mengikut bab-bab tertentu (1985:41). Sebagai contoh :

فَدْ مِيتاَكَنْ حَقْ شَرِيكَهْ عَنَانْ تَرْ كَنْدوَغْ اَتَسْ تِيكْ مَبَاحِثٌ. (1913:248)

80) **مَضَرَّتْ** - **ضَرَّ** - istilah yang berasal dari perkataan **ضَرَّ** ini asal maknanya ialah suatu perkara yang terjatuh ke dalam perkara yang dibenci dan penuh keseksaan. Seterusnya ia memberi makna perkara-perkara yang membawa kepada kesusahan dan disebut juga kemudarat yang di dalam bahasa Arab

ditulis dengan menggunakan *ta' marbutah* (ة) iaitu **مُضْرَبَةٌ**. Makna ini terus kekal dalam bahasa Melayu sebagaimana yang terdapat dalam kitab kajian iaitu :

جِيك مَمْبُوَاتٍ صَلْحٌ وَالِي كَانَتْ ۝دَرْفَدْ دَعْوَانِ نَسْجَايِ صَحْلَهِ جِيكِ پَاتِ تَيَادِ اَد

مُضْرَبٌ بَغْ پَاتِ...

81) - **مُضْمُونٌ** iaitu kemungkinan istilah yang dimaksudkan ini ialah *ism maf'ul* bagi makna jaminan (ضمّن - ضَمِّنَ) memandangkan kesesuaian makna di sini ialah perkara yang dijamin atau yang ditanggung.

تَيَادِ بُولَهِ دَنَتَوْتَ دَغْنَدِي مَلِينَكَنِ جِيكِ اَدْ وَكِيلِ اِيتِ **مُضْمُونٌ** يَغْصَلْحَكَنِ اَتْسَنِ

اِيتِ ...

82) - **أَطْلَقَ** / **مُطْلَقٌ** iaitu kedua-dua istilah berasal dari perkataan ia bermaksud bermaksud membebaskan dan melepaskan dan bagi perkataan ia bermaksud mengumumkan kata-katanya. Ia boleh juga diertikan sebagai yang umum dan tidak berkait dengan sesuatu (1985:584). Antara petikan yang terdapat dalam kitab kajian ialah :

جِيكِ بَغْ مَنْجَمَكَنِ **مُمْطَلِقَكَنِ** قَنْجَمَنِ دَثْنَ سَكِيرَ ۝تَيَقِ دَنَتَوْكَنِ مَنْقَعْتَنِ

نَسْجَايِ بُولَهِ **قَمْنَجَمِ** مَمَاكِي اِكَنِ **قَمْنَجَمَنِ** اِيتِ اَتْسِ **أَطْلَقَنِ**. (1913:141)

83) - **مُعَامَلَاتٌ** ia menjadi salah satu istilah khusus dalam bidang fiqh yang melibatkan pergaularan dan urusan sesama manusia dalam kehidupan dan urusan

dunia di antaranya ialah berjual beli, perwakilan, sewa menyewa dan sebagainya (1985:652) seperti petikannya yang berbunyi :

اور غ سفیہ یشدتکه ممرنٹہ هر تاریخ پاپت ددالم فکر جان فرنیا کاؤں ایت (معاملات)
سفرہ کانق ۲ بیغ ممیز تنافی والی اور غ سفیہ ایت حاکم سهاج ... (1913:171)

84) **مفتی** - **فُقْتَى** - istilah ini adalah *ism fa`il* kepada *fi'l* (1985 :698) yang bererti orang yang memberikan fatwa atau menerangkan sesuatu hukum. Maka **مفتی** ialah orang yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah fiqh dengan melihat kepada fatwa dan hukum yang terdapat atau mendatangkan fatwa baru jika ia diperlukan. Di dalam Majalah Ahkam Johor istilah ini terdapat di awal kitab yang tertera “فجابت مفتی” di muka surat “pengenalan” bagi menunjukkan tempat kitab ini dikeluarkan, iaitu di pejabat mufti pada masa itu. Beliaulah yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah fiqh dan sekaligus menjalankan kerja-kerja terjemahan kitab tersebut.

85) **مفليس** - **مُفْلِسٌ** asal perkataannya ialah فليس ertinya kosong dari sesuatu dan tidak mempunyai apa-apa . Ia juga diertikan hilang hartanya dan jatuh susah dalam kemiskinan (1985:726). Istilah **مفليس** ialah *ism fa`il* bagi perkataan ini iaitu orang yang jatuh miskin dan kehilangan hartanya. Istilah ini juga digunakan dalam bahasa Melayu dengan kefahaman yang sama dan antara petikannya dalam kitab kajian ialah :

جك ماتي قمبلي دخن **مفليس** سيلوم منريما بار غيغ دبلين (1913:46)

86) **مقابضه** - **قبض** ialah menangkap dengan genggaman tangannya dan menggenggamnya (1985: 737). Di dalam hukum fiqh **مقابضة** ialah hal memegang, menerima dan memiliki dalam urusan jual beli atau seumpamanya seperti seorang penjual menerima bayaran dan pembeli menerima barang yang dibelinya. Di dalam kitab kajian istilah ini turut dijumpai dengan makna yang sama dan antaranya ialah:

مقابضه جوالبی مات بnda دغۇن بندارىتىن بىرتوکاران ۲ هەرت يغلىن

درفڈ واغ (امس فېرق) .
(1913:17)

87) **ممیز** - istilah ini berasal dari perkataan **مَيْزَ**, iaitu membezakan sesuatu dari yang lain. Manakala **ممیز** pula terbitannya dari jenis *ism fa'il* iaitu orang yang membezakan (1985:929). Di dalam masalah fiqh ia dertikan sebagai kanak-kanak yang sudah mula dapat membezakan yang mana baik dan buruk, bersih dan kotor dan sebagainya . Antara petikannya ialah :

ادقون کانق ۲ يېڭى ممیز لاكى دانىكىن اولە والىن مك صح مناروھەن

دان منرىما تاروھن ايت.
(1913:131)

88) **منسخ** - asal istilah ini ialah **نَسْخَ** bererti menghilangkan dan menghapuskan. Sekiranya **نَاسِخٌ** bererti yang menghapuskan maka **منسوخ** pula ialah yang dihapuskan atau yang dibatalkan hukumnya dengan adanya hukum

yang baru itu tadi (1985:955). Di dalam kitab kajian ia dijumpai dengan makna yang sama tetapi ia digunakan sebagai *fi'l* sebagai contoh ayat di bawah :

تىدق رىضا سفرا تله اكى منسخى دان اكى تىقىلىكىن . (1913:47)

yang bermaksud “aku hapuskan”.

89) مُنْيٰ - dikenali juga dengan nama (النطفة), iaitu cecair putih yang keluar dari kemaluan samada lelaki atau perempuan kesan daripada syahwat yang tinggi dengan jalan persetubuhan atau pun tidak (1985:924). Peminjaman ini kekal dalam bahasa Melayu dengan makna yang sama. Antara petikannya ialah :

دان حیض اتو سمفی عمر لیم پلس تاهون. (1913:170)

90) **حُكْم** - bererti mas kahwin yang diwajibkan ke atas suami kepada isteri baik dalam bentuk benda atau jasa dan disebutkan di dalam akad nikah (1994:184). Tiada perbezaan makna dengan bahasa Melayu dan ia telah digunakan dengan meluas dalam makna yang sama. Di dalam kitab kajian istilah ini turut dijumpai dalam petikannya :

تیاد بوله بر لاكو شفعت فد میلیک تانه بیغ جادی کننی درقد **مهر**. (178:1913)

91) مَيْتٌ - istilah ini berasal dari lafaz (مَيْتٌ) yang bermaksud orang yang menemui kematian dan berpisah dengan kehidupan (1985:926). Istilah ini digelar juga dengan istilah *janazah*. Bagi mayat orang Islam ada beberapa perkara yang mesti diselesaikan seperti dimandikan, dikafarkan, disolatkan dan dikuburkan. Istilah ini telah sebatи dalam bahasa Melayu cuma mengalami perubahan sebutan dari segi fonem /mayat/ berbanding dengan bahasa asalnya yang disebut /maiyyit/. Antara petikannya ialah :

صَحَّلَه مَلْسَكَنْ مَيْتٍ درْفَدْ هوَتَعْنَ . (1913:291)

92) نَسْبٌ - istilah ini bermaksud keturunan dan kaum kerabat (1985:953). Istilah ini biasa digunakan dalam bahasa Melayu dan turut dijumpai dalam kitab kajian, iaitu :

امفمان جیک برادر اور غیغ تیاد برواریٹ باکین کفڈ اور غیغ بوکن ...

درْفَدْ نسبِن دان ترلَبِیه توا ڦول درْفَدْن ... (1913:9)

- نَسْبَه - istilah ini pula diertikan sebagai hubungan dan keadaan tertentu dengan melihat dan bersandar kepada yang lain dengan kadar yang sama (1985:953). Makna ini jugalah yang biasa difahami dalam pinjamannya dalam bahasa Melayu dan antara petikannya dalam kitab kajian :

يُعْدِكُتاكُنْ جَنِيس اِيت بَارْثِيْغْ تَيَاد اَد سَاتُو ٢ قُرْبَذَان يَغْسَاغْت لَبَه درْفَد

(1913:18)

نسبه فركونأن درفادا

- 93) **نص** - asal makna istilah ini mengangkat dan menghasilkan sesuatu daripada perkataan **يُنْصُّ** - **نَصَّ**. Makna yang lain pula adalah sebutan percakapan asal seorang pengarang dan sebagainya. Di kalangan pengkaji usul ia dimaknakan ayat atau teks dari al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. yang menjadi dalil dan hujjah mengenai sesuatu (1985:963). Makna ini juga yang digunakan pada istilah yang dijumpai dalam kitab kajian, iaitu :

تَيَاد دَهَار و سَكَنْ اِجْتِهَادْ فَدْ فَرْكَارَا يَغَاد نَصَّ يَغْتَرَاغْ . (1913:4)

- 94) **نَفْقَه** - asal maknanya ialah belanja dan bayaran. Manakala **نَفْقَه** menjadi istilah terhadap perbelanjaan suami yang diwajibkan ke atas tanggungannya daripada makanan, tempat tinggal, pakaian, penjagaan anak-anak dan lain-lain (1985:980). Antara petikannya ialah :

أَفْبَيل يَغْ مَنَارُوه هَرْت اِيت غَايِب مَكْ دَفْرَضَكَن اوْلَه حَاكِم درْفَد وَاغْ فَرْتَارُوهَنْ

.... اِيت **نَفْقَه** (1913:136)

- 95) **هَبَه** - istilah ini ertiya pemberian seseorang kepada seseorang semasa hayatnya tanpa mengharapkan balasan dengan melibatkan barang-barang yang sah dibuat jual beli. Ia mempunyai satu bab khas dalam masalah muamalat dan turut dijumpai dalam kitab kajian seperti yang berikut:

مغیر يمكن دان منريما قد هيه دان صدقه منفاتي نتمفت ايجاب دان

قبول. (1913:145)

96) - وقف asal fi'lnya ialah وقف bererti berhenti daripada berjalan dan bangun daripada duduk. Dari segi perkataan dan percakapan ia bermaksud hujung atau terhentinya percakapan dan perbualan (1985:1094). Dari segi harta benda ialah menyerahkan urusannya kepada Allah s.w.t. untuk diberikan kepada orang lain atau dalam kata yang lain menurut istilah syara' ialah memindahkan hak milik peribadi kepada yang lain samada individu atau masyarakat untuk digunakan manfaatnya (1994:414). Antara petikannya ialah :

مك هرت وافق دان بيت المال ايت حكمن سفوت حكم هرت انق ياتيم. (1913:57)

97) - واجب termasuk salah satu daripada hukum taklifi, iaitu: wajib, haram, sunnah, makruh dan mubah. Menurut ahli fuqaha' : sesuatu yang menjadi kemestian untuk ditunaikan dengan dalil yang thabit ke atasnya serta dibalas pahala apabila dikerjakan dan dibalas dosa apabila ditinggalkan (1985:1054). Menurut ahli Usul pula : kalam Allah yang dituntut pekerjaannya dengan tuntutan yang pasti (1994:411). Antara contoh ayat yang mengandungi istilah ini ialah :

چاچت يعمواجبن خيار قد سيوأن يأيت سبب ۲ يغ ملوفونكن منقعت...

(1913:82)

98) وَارِثٌ - istilah ini wujud dalam bab perwarisan di mana ia berasal dari perkataan يَرِثُ - وَرَثَ yang ertiya menyerahkan harta selepas kematian kepada orang yang berhak menerimanya di kalangan keluarga si mati. وَارِثٌ pula ialah orang-orang yang berhak mendapat harta peninggalan si mati. Peminjaman istilah ini kekal dalam bahasa Melayu dan terus digunakan sehingga ke hari ini. Antara petikannya ialah :

امْقَانٌ كَالُو مِمْبُنُوه سُنُورُغْ اكُن وَارِيَثُ نسْجَاي دِحْرَامْكَن اي درِقد

مندافت فساك . (1913:14)

99) وَاسِطَةٌ - kalimah asalnya ialah (الْوَاسِطَة) bermaksud perantaraan atau apa-apa yang menghubungkan sesuatu dengan yang lain (1985:1073). Makna ini juga telah dimaksudkan dengan peminjamannya di dalam kitab kajian :

دان تِيد اد سِسْتُورُغْ يَغْدِمِيكِين ايت مِلِينِكَن وَاسِطَه دان قُسُور هن (1913:266)

100) وَصِيتٌ - asal maknanya ialah memberi pesan dan menyampaikan sesuatu kepada yang lain. Menurut istilah syara' pesan terhadap sesuatu yang baik yang harus dilaksanakan sesudah kematianya dan juga ada yang melibatkan harta benda, iaitu meninggalkan hartanya kepada orang tertentu selepas kematianya

- وَصِيٌ - ialah orang yang menerima dan yang akan menguruskan wasiat yang diterimanya

اقرار اور غیغ تیاد اد باکٹن واریث..... نسچای نٹاکیلہ اقرارن ایت اتس

بھو اسان یا ایت ساتو جنیس در فد و صب ...
(1913:299)

101) - **وَكَلَهُ** - maksud istilah ini ialah persetujuan seseorang untuk melaksanakan pekerjaan orang lain atau menyampaikan sesuatu yang bukan milik asalnya sebagai ganti daripada tuannya yang berhak (1985:1097).

- **وَكِيلٌ** - orang yang menjadi wakil dalam mengerjakan urusan orang lain
- **مُوكِلٌ** - tuan punya urusan yang mewakilkan orang lain untuk mengerjakannya.

Istilah ini turut dijumpai dalam kitab kajian dalam makna yang sama seperti contoh :

بطل **وَكَلَهُ** سبب کیلا **مُوكِلٌ** انو **وَکیلنَ**
(1913:282)

102) - **وَالِی** - ialah setiap yang dipertanggungjawabkan menjalankan sesuatu perkara. Ia terdiri daripada ketua-ketua, penjaga, pemimpin dan sebagainya. Wali dari segi syara` ialah mereka yang berhak menikahkan perempuan dari segi keturunan atau kekuasaan mengikut turutan yang telah ditetapkan oleh Islam (1985:1101). Antara petikan istilah ini ialah :

جیک ممبوات صلح **وَالِی** کانق ۲ در فد دعوان نسچای صحلہ جیک پات

تیاد اد مضرت پغ یات ...
(1913:284)

103) **يَاتِيهِ** - asal istilah ini ialah **يَكْتَمِ** bererti sendirian dan ia diistilahkan sebagai kanak-kanak yang kematian bapanya sebelum baligh. Istilah ini kekal dalam bahasa Melayu sejak berzaman hingga ke hari ini dan turut ditemui dalam kitab kajian seperti yang berikut :

مُكْ هُرْت وَاقْف دَان بَيْت الْمَال اِيت حَكْمُنْ سَقْرَتْ حَكْم هُرْت اَنْق **يَاتِيهِ**. (1913:57)

104) **يَقِينٌ** - bermaksud kepercayaan yang kuat dengan tidak dicampuri sedikit pun keraguan padanya.

- **ظُنْنٌ** - prasangka terhadap sesuatu antara dua perkara salah dan benar tetapi lebih hampir kepada yakin akan kebenarannya (1985:599). Contoh ayatnya ialah:

تِياد بوله دفاکی دغۇن **ظُنْنٌ** بار غىيغ پات سالھەن. (1913:10)

- **شُكٌ** - keadaan diri yang berbelah bahagi pada fikiran antara dua perkara dan terhenti hukum di situ (1985:510). Antara contohnya :

(1913:3) **يَقِينٌ** اِيت تِياد بوله دھىلەڭن دغۇن **شُكٌ**.

- **وَهْمٌ** - keraguan yang tinggi dan hampir hilang kepercayaan. Kepercayaan yang terlalu sedikit kerana telah dipenuhi dengan rasa ragu-ragu. Kepercayaan ini

adalah yang paling rendah dan boleh mendatangkan bahaya (1985:1103).

Petikan istilah yang terdapat dalam kitab kajian ialah :

(1913:11)

تیاد بوله نبیلاخ (فکی) سمات ۲ و هم

Dengan huraian tersebut, istilah-istilah agama yang digunakan tidak banyak mengalami perubahan dengan makna asal di dalam bahasa sumber kerana ia mempunyai kefahaman yang tinggi dan tiada peristilahan lain yang dapat digunakan untuk menggantikannya. Ini menunjukkan bahawa bahasa ini tetap unggul dalam mempertahankan kepentingannya dan dapat diterima dalam bahasa Melayu sepanjang zaman.